

LAMPIRAN A
(Kepada Terma-terma dan Syarat-syarat Perkhidmatan Pedagang)
Terpakai kepada Terminal / MPOS

1. DEFINISI DAN TAFSIRAN

1.1 Perkataan dan ungkapan yang digunakan dalam Lampiran ini mempunyai maksud berikut: -

“**Transaksi Kad**” bermaksud sebarang transaksi pembayaran yang dibuat kepada Pedagang menggunakan Kad, termasuk transaksi di mana Pedagang mengenakan caj pada akaun Kad untuk pembayaran yang perlu dibuat kepada Pedagang;

“**Kad Tanpa Sentuhan**” bermaksud Kad yang menggabungkan Ciri Tanpa Sentuhan;

“**Kad Kredit Tanpa Sentuhan**” bermaksud Kad Kredit yang menggabungkan Ciri Tanpa Sentuhan;

“**Ciri Tanpa Sentuhan**” bermaksud ciri yang digabungkan ke dalam Kad yang membolehkan Pemegang Kad membayar barang dagangan dan perkhidmatan dengan menyentuh atau melayang Kad Tanpa Sentuhan di Terminal Tanpa Sentuhan;

“**Terminal Tanpa Sentuhan**” bermaksud pembaca atau terminal tanpa sentuhan (termasuk MPOS) yang diluluskan oleh Bank untuk membaca dan/atau merekod data setiap transaksi Kad Tanpa Sentuhan;

“**Kad EMV**” bermaksud mana-mana Kad dengan cip mematuhi Europay, MasterCard, Visa (“**EMV**”) yang terbenam dalamnya;

“**MPOS**” bermaksud peranti tempat jualan mudah alih, yang termasuk Plug n Pay dan/atau Tap n Pay;

“**PIN**” bermaksud nombor pengenalan peribadi Pemegang Kad yang digunakan untuk memberi kuasa kepada sebarang Transaksi Kad;

“**Pad PIN**” bermaksud peranti yang digunakan oleh Pemegang Kad untuk memasukkan PIN atau data lain yang boleh ditentukan oleh Bank;

“**Plug n Pay**” bermaksud peranti tempat jualan mudah alih yang terdiri daripada pembaca kad dan/atau pembaca/penjana Kod QR (“**Pembaca Kad**”) yang disediakan oleh Pedagang kepada Wakil Jualan dan peranti telekomunikasi mudah alih / wayarles (seperti telefon pintar dan/atau tablet) yang digunakan untuk melaksanakan Transaksi yang mana Bank mungkin memerlukan Pedagang untuk menggantikan atau menaik taraf dengan kosnya sendiri dari semasa ke semasa;

“**Resit**” bermaksud dokumen dalam bentuk dan kandungan yang ditetapkan oleh Bank yang dikeluarkan oleh Terminal atau MPOS, untuk membuktikan transaksi dan dokumen tersebut mungkin dalam bentuk elektronik;

“**Wakil Jualan**” bermaksud pekerja, kakitangan atau ejen Pedagang yang telah diberikuasa oleh Pedagang untuk menjual barangan dan/atau perkhidmatan Pedagang bagi pihak Pedagang dan untuk mengutip pembayaran bagi pihak Pedagang dengan menggunakan MPOS untuk melaksanakan Transaksi bagi pihak Pedagang;

“**Fungsi Penyelesaian**” bermaksud fungsi yang dijalankan pada Terminal yang menyerahkan semua Transaksi yang dirakam pada Terminal kepada Bank atau Vendor atau PayNet atau Pengendali eDompot atau Syarikat- syarikat Kad mengikut mana yang berkenaan, untuk Bank membuat pembayaran kepada Pedagang;

“**Tap n Pay**” bermaksud aplikasi mudah alih pembayaran selamat yang membolehkan Pedagang menerima dan mengurus pembayaran elektronik pada telefon pintar Android didayakan NFC terpilih dan menerima pembayaran tanpa sentuhan atau berasaskan gelombang;

“**Terminal**” bermaksud peranti mekanikal/elektronik atau mana-mana peranti lain yang membaca dan/atau merekodkan data Kad dan Bahantara Boleh Dibaca Mesin bagi Akaun eDompot dan Transaksi (termasuk Transaksi Kod QR) dan jika berkaitan termasuk Terminal Tanpa Sentuhan. Dalam kes Pedagang yang menerima Kad Debit dan Kad Kredit, Terminal akan dilengkapi dengan pembaca yang mampu membaca trek 2 pada Kad Debit dan Kad Kredit;

“**Resit Terminal**” bermaksud dokumen dalam bentuk dan kandungan yang ditetapkan oleh Bank yang dikeluarkan oleh Terminal untuk membuktikan suatu transaksi; dan

“**Vendor**” bermaksud institusi perolehan pedagang berlesen dan/atau lantikan yang diberi kuasa oleh Bank untuk melantik dan/atau memperoleh pedagang untuk menerima Kad.

2. PEDAGANG HANYA MENERIMA KAD SAH

- 2.1 Pedagang hendaklah memastikan bahawa hanya Kad Sah diterima melalui Terminal dan/atau MPOS. Jika Transaksi Kad dilaksanakan melalui Transaksi Kod QR, prosedur semasa ketika itu berkenaan dengan Transaksi Kod QR yang ditetapkan oleh Bank, PayNet dan Syarikat-syarikat Kad hendaklah terpakai. Jika Pedagang mengesyaki atau sepatutnya mengesyaki bahawa Kad yang dikemukakan kepadanya tidak sah, Pedagang mesti menghubungi Bank untuk mengesahkan kesahan Kad. Kad tersebut tidak akan dilayan oleh Pedagang melainkan disahkan secara positif dan nyata oleh Bank. Jika Kad tersebut telah disahkan oleh Bank sebagai sah, Pedagang mesti merekodkan pada Resit kod pemberikuasaan Bank dan butir-butir lain yang dianggap berkaitan oleh Bank untuk membuktikan pemberikuasaan tersebut.

Transaksi Kad Meragukan

- 2.2 Jika Pedagang percaya atau mengesyaki Kad yang dikemukakan kepadanya adalah palsu atau dicuri, Pedagang hendaklah, tanpa pada bila-bila masa memaklumkan kepada Pemegang Kad atau Pemegang Kad yang dikatakan atau membangkitkan syak wasangkanya:
- (a) tidak memproses transaksi Kad;
 - (b) segera memaklumkan kepada Bank melalui telefon di nombor telefon yang dimaklumkan kepada Pedagang oleh Bank untuk tujuan tersebut; dan
 - (c) mematuhi arahan (yang mungkin termasuk permintaan untuk menahan Kad) yang diberikan kepadanya oleh Bank.

Pedagang bagaimanapun tidak dibenarkan menyebabkan gangguan, kekacauan atau mencederakan mana-mana orang atau harta benda, atau membuat sebarang kenyataan fitnah atau bertindak secara haram atau menyalahi undang-undang dalam apa jua cara, dan Bank tidak akan dipertanggungjawabkan untuk apa-apa tindakan Pedagang.

Aku Janji Pedagang (Secara Am)

- 2.3 Pedagang mesti TIDAK:-

- (a) menyediakan tunai atau pendahuluan tunai terhadap pembentangan Kad / eDompot melainkan ia adalah dengan kelulusan bertulis Bank;
- (b) menerima sebarang pembayaran tambahan daripada Pemegang Kad / Pengguna eDompot / pelanggan berkenaan dengan caj untuk barangan dan/atau perkhidmatan yang telah dimasukkan dalam Resit;
- (c) dalam kes Transaksi, meminta sebarang pembayaran pendahuluan atau tambahan sama ada dalam tunai atau dengan cek;
- (d) memerlukan jumlah transaksi minimum di mana jika di bawahnya Pedagang akan enggan menerima bayaran untuk Transaksi;

- (e) mengutip secara berasingan daripada Pemegang Kad / Pengguna eDompot / pelanggan sebarang cukai yang perlu dipungut dan Pedagang hendaklah memasukkan nilai tersebut dalam Resit atau permintaan debit;
- (f) menerima Kad / atau pembayaran yang menggunakan eDompot daripada Pemegang Kad / Pengguna eDompot untuk sebarang pembayaran hutang apa jua yang tanggung daripada pinjaman yang diperoleh oleh Pemegang Kad / Pengguna eDompot melainkan (i) di mana hutang tersebut telah ditanggung oleh Pemegang Kad / Pengguna eDompot menurut transaksi perdagangan dasar yang berkaitan dengan perniagaan Pedagang; atau (ii) apabila cek dikeluarkan oleh Pemegang Kad / Pengguna eDompot menurut transaksi perdagangan dasar yang berkaitan dengan perniagaan Pedagang tidak dilayan;
- (g) membenarkan sebarang transaksi jika Pemegang Kad gagal membentangkan Kad (melainkan ia adalah melalui Transaksi Kod QR) atau eDompot, mengikut mana-mana yang berkenaan, kepada Pedagang; dan
- (h) dalam kes penerimaan Kad Debit dan jika berkenaan, Kad EMV, membenarkan sebarang transaksi yang tidak memerlukan PIN (melainkan ia adalah melalui Transaksi Kod QR yang tidak memerlukan PIN).

Aku Janji Pedagang (eDompot)

2.4 Dalam menerima Transaksi eDompot, Pedagang bersetuju untuk:-

- (a) menggunakan Platform eDompot yang disediakan oleh Pengendali eDompot masing-masing dan memastikan platform dan peralatannya (jika berkaitan) sentiasa dikemas kini dan dalam keadaan operasi yang baik dan memenuhi kehendak perisian dan proses perkhidmatan yang ditetapkan oleh Pengendali eDompot dari semasa ke semasa;
- (b) membenarkan Bank dan/atau Pengendali eDompot untuk mengenakan had dan kawalan ke atas keupayaan Pedagang dan/atau Pengguna eDompot untuk membuat pembayaran dengan menggunakan Platform eDompot atau Bahantara Boleh Dibaca Mesin Akaun eDompot dan/atau menggunakan operasi eDompot. Had tersebut mungkin termasuk tetapi tidak terhad kepada menolak pembayaran, atau menyekat Pengguna eDompot tertentu daripada membuat pembayaran dengan menggunakan Platform eDompot atau Bahantara Boleh Dibaca Mesin Akaun eDompot atau jumlah pembelian maksimum yang ditentukan bersama oleh Bank dan Pengendali eDompot dari semasa ke semasa dan dimaklumkan kepada Pedagang;
- (c) tidak menjual barangan dan perkhidmatan yang disenaraikan dalam **Jadual 3 (Senarai Produk Terlarang dan Terhad)** di sini, yang mungkin dikemas kini oleh Bank dan/atau Pengendali eDompot dari semasa ke semasa;
- (d) memberikan bukti berkaitan kepada Bank untuk membuktikan bahawa Pedagang telah dengan sewajarnya menghantar atau memberi barangan dan/atau menyediakan perkhidmatan yang dibayar oleh Pengguna eDompot dalam tujuh (7) hari dari permintaan Bank. Bukti berkaitan hendaklah termasuk tetapi tidak terhad kepada rakaman CCTV di kedai Pedagang, serta invois jualan dan/atau pesanan penghantaran dan nama dan harga produk terperinci barangan dan perkhidmatannya yang dijual. Jenis bukti yang spesifik akan bergantung pada sifat produk tetapi hendaklah dalam sifat dan kualiti yang boleh membuktikan dengan munasabahna pemenuhan Pedagang kewajipannya kepada Pengguna eDompot. Jika Pedagang gagal, enggan atau lalai memberikan bukti berkaitan, atau jika Bank menganggap bahawa bukti berkaitan tidak mencukupi Bank akan dibenarkan untuk memungut semula jumlah transaksi daripada Pedagang; dan
- (e) membayar dan bertanggungjawab kepada semua jumlah pembayaran balik terhutang kepada Pengguna eDompot untuk sebarang pembayaran yang tidak diberi kuasa atau transaksi penipuan yang bukan disebabkan oleh kesalahan Bank atau Pengguna eDompot.

3. TRANSAKSI KAD KREDIT (selain daripada transaksi Kad Kredit EMV dan Kad Kredit Tanpa Sentuhan)

3.1 Untuk transaksi Kad Kredit (selain daripada transaksi Kad EMV atau Kad Kredit Tanpa Sentuhan):-

- (a) Tertakluk kepada Pedagang mengesahkan kesahan Kad Kredit pada masa jualan, Pedagang boleh bergantung pada kod pemberikuasaan Bank untuk melengkapkan transaksi berkaitan.
- (b) Jika Pedagang mengetahui atau mempunyai alasan untuk mengesyaki bahawa: -
 - (i) Kad Kredit yang dibentangkan mungkin palsu atau dicuri; dan/atau
 - (ii) transaksi mungkin tidak teratur, bukan asal atau penipuan

Pedagang mesti terlebih dahulu mendapatkan pemberikuasaan khusus Bank SEBELUM melengkapkan transaksi dan tanpa pemberikuasaan khusus Bank, Pedagang MESTI TIDAK membentangkan Resit kepada Bank untuk pembayaran atau melaksanakan Fungsi Penyelesaian.

- (c) Resit yang disediakan untuk membuktikan transaksi mesti mengandungi butiran Kad Kredit, butiran Pedagang, kod pemberikuasaan Bank dan tandatangan Pemegang Kad yang menepati tandatangan yang tertera di Kad Kredit.

4. TRANSAKSI KAD DEBIT, KAD EMV DAN KAD TANPA SENTUHAN

Transaksi Kad Debit

4.1 Untuk transaksi Kad Debit:-

- (a) Peranti Terminal / Plug n Pay mesti digunakan dengan betul oleh Pedagang supaya Resit dihasilkan untuk membuktikan transaksi.
- (b) Pedagang mesti menyerahkan peranti Plug n Pay (jika berkaitan) kepada Pemegang Kad supaya Pemegang Kad boleh memasukkan data yang diperlukan (termasuk PIN) untuk melaksanakan transaksi Kad Debit (*melainkan untuk Transaksi Kod QR yang tertakluk kepada prosedur mereka sendiri yang ditetapkan oleh Bank*).
- (c) Pedagang mesti memastikan bahawa Pemegang Kad diberi privasi untuk memasukkan PINnya dengan selamat apabila melakukan sebarang transaksi. Transaksi berbilang mesti tidak dilaksanakan tanpa memasukkan semula PIN untuk setiap transaksi.
- (d) Apabila peranti Plug n Pay digunakan, jika dikehendaki oleh Bank, Pedagang juga hendaklah meminta Pemegang Kad untuk menurunkan tandatangannya pada peranti Plug n Pay untuk memberi kuasa kepada transaksi Kad Debit.

Transaksi Kad EMV

4.2 Untuk transaksi Kad EMV:-

- (a) Pedagang hendaklah menggunakan Terminal untuk mengesahkan Kad EMV dengan menggunakan cip di mana Kod Kelulusan akan diberikan atau transaksi akan ditolak. Jika Pedagang tidak dapat mengesahkan Kad EMV daripada cip selepas beberapa cubaan, seperti yang ditunjukkan oleh Terminal / Plug n Pay, Pedagang boleh mengesahkan kesahan Kad EMV daripada data yang disimpan dalam jalur pita magnet yang dibenamkan dalam Kad EMV.
- (b) Setelah Kad EMV telah disahkan, Pedagang hendaklah melengkapkan transaksi seperti yang ditunjukkan pada Terminal:-
 - (i) apabila Kad EMV berasaskan pin sedang digunakan, Pedagang hendaklah meminta Pemegang Kad memasukkan PINnya melalui Pad PIN untuk memberi kuasa kepada penyempurnaan caj dan Pedagang hendaklah mematuhi Klausa 4.1(b) dan (c) di atas (*kecuali Transaksi Kod QR yang tertakluk kepada prosedur mereka sendiri yang ditetapkan oleh Bank*); atau
 - (ii) apabila Kad bukan EMV berasaskan tandatangan sedang digunakan, (*kecuali Transaksi Kod QR yang tertakluk kepada prosedur mereka sendiri yang ditetapkan oleh Bank*), Pedagang hendaklah meminta Pemegang Kad untuk menurunkan tandatangannya pada Resit/ Plug n Pay. Pedagang mesti memastikan bahawa tandatangan adalah sama dengan contoh tandatangan yang tertera pada Kad EMV Pemegang Kad. Jika Pedagang percaya terdapat percanggahan dalam tandatangan, Pedagang mesti menghubungi Bank untuk mendapatkan arahan dan tidak meneruskan transaksi.

Transaksi Kad Tanpa Sentuhan

4.3 Untuk transaksi yang dilaksanakan dengan menggunakan Ciri Tanpa Sentuhan pada Kad Tanpa Sentuhan: -

- (a) Pedagang akan membenarkan Pemegang Kad menyentuh atau melayang Kad Tanpa Sentuhan di Terminal Tanpa Sentuhan untuk melaksanakan Transaksi Kad.

- (b) Resit yang dikeluarkan untuk transaksi dengan menggunakan Ciri Tanpa Sentuhan hendaklah mengandungi butiran Kad Kredit, butiran Pedagang, kod pemberikuasaan Bank. Tandatangan tidak diperlukan pada Resit. Jika diminta, salinan Resit hendaklah diserahkan kepada Pemegang Kad.
- (c) Jumlah yang diurusniagakan dengan menggunakan Ciri Tanpa Sentuhan tidak boleh melebihi jumlah yang ditentukan oleh Bank ("**Had Tanpa Sentuhan**"). Untuk sebarang transaksi yang melebihi Had Tanpa Sentuhan, pengesahan tandatangan atau PIN Pemegang Kad diperlukan untuk membuktikan pemberikuasaan Pemegang Kad.
- (d) Untuk semua transaksi MPOS menggunakan Ciri Tanpa Sentuhan, Pedagang mesti memberi Pemegang Kad pilihan untuk menerima resit elektroniknya di alamat e-mel atau nombor telefon mudah alihnya tertakluk kepada Pemegang Kad menyediakan butiran sedemikian.

Pembahagian Transaksi

- 4.4 Pembelian barangan dan/atau perkhidmatan oleh Pemegang Kad pada mana-mana masa daripada Pedagang tanpa mengira nilai gabungan mereka hendaklah membentuk satu transaksi. Pedagang tidak boleh membahagikan transaksi dengan menggunakan dua atau lebih Resit untuk mengelak daripada mendapat pemberikuasaan tunggal Bank untuk transaksi atau memintas Had Tanpa Sentuhan. Transaksi tunggal hanya boleh dibahagikan dan direkodkan dalam dua atau lebih Resit jika barangan dan/atau perkhidmatan akan dihantar atau dilaksanakan pada tarikh kemudian dan satu Resit dilengkapkan untuk membuktikan pembayaran deposit dan Resit kedua dilengkapkan apabila Pemegang Kad perlu membayar baki.
- 4.5 Di mana transaksi tunggal boleh dibahagikan, Pedagang mesti terlebih dahulu mendapatkan pemberikuasaan khusus Bank untuk pembahagian tersebut SEBELUM ia melakukan transaksi dan Pedagang mesti merekodkan pada Resit kod pemberikuasaan, tarikh transaksi, butiran dan harga barangan dan/atau perkhidmatan serta perkataan "deposit" atau "baki" mengikut kesesuaian.
- 4.6 Resit yang mengandungi penerangan "baki" hendaklah tidak dibentangkan kepada Bank untuk pembayaran sehingga barangan telah dihantar atau perkhidmatan dilaksanakan.

4A TRANSAKSI eDOMPET

- 4A.1 Transaksi eDompot mesti dilakukan dengan menggunakan Terminal. Terminal akan mengeluarkan pengesahan kelulusan dan menjana Resit Terminal untuk transaksi. Jika Transaksi eDompot adalah melalui Transaksi Kod QR, maka prosedur semasa ketika itu berkenaan dengan Transaksi Kod QR yang ditetapkan oleh Bank hendaklah terpakai.
- 4A.2 Laporan Transaksi untuk eDompot yang dilaksanakan setiap hari akan disediakan kepada Pedagang menjelang Hari Perniagaan berikutnya.
- 4A.3 Bank hendaklah membayar dana penyelesaian yang perlu dibayar kepada Pedagang dalam: (i) satu (1) Hari Perniagaan selepas Transaksi eDompot dilakukan sebelum jam 8 malam, dan (ii) dua (2) Hari Perniagaan selepas Transaksi eDompot dilakukan selepas jam 8 malam melainkan Bank menerima notis daripada Pengendali eDompot menghendaki Bank menahan pembayaran kepada Pedagang. Jika Bank tidak menerima dana penyelesaian daripada Pengendali eDompot, pembayaran kepada Pedagang hendaklah ditundakan ke tarikh yang dipersetujui bersama antara Bank dan Pedagang.
- 4A.4 Bayaran balik kepada Pengguna eDompot hanya boleh dibuat oleh Pedagang dalam tiga puluh (30) hari dari tarikh transaksi berkaitan dan pembayaran balik mesti dilakukan melalui Terminal. Pembayaran balik mesti dibuat dengan menolak jumlah pembayaran balik daripada dana penyelesaian seterusnya yang akan dibayar oleh Bank kepada Pedagang. Jika dana penyelesaian seterusnya (a) adalah kurang daripada jumlah wang yang perlu dibayar balik atau (b) telah dibayar kepada Pedagang pada masa tolakan, Bank boleh menolak jumlah yang akan dibayar balik mengikut hak tolakan Bank. Pedagang tidak akan membuat sebarang pembayaran balik tunai kepada Pengguna eDompot. Bank boleh dari semasa ke semasa dengan notis munasabah terdahulu kepada Pedagang meminda polisi pembayaran balik ini.

5. PENYELESAIAN TRANSAKSI KAD

- 5.1 Sebaik sahaja Resit Terminal dikeluarkan (dan jika perlu, ditandatangani dengan sewajarnya), Pedagang hendaklah memberikan kepada Pemegang Kad salinan Resitnya (melainkan dan kecuali untuk transaksi kad tanpa sentuhan, Pedagang hanya perlu memberikan kepada Pemegang Kad salinan Resitnya jika diminta oleh Pemegang Kad) dan menyimpan pendua. Pedagang mesti menyimpan pendua bagi semua Resit untuk sekurang-kurangnya lapan belas (18) bulan dari tarikh transaksi dan menyediakan pendua kepada Bank dalam tujuh (7) Hari Kalendar daripada permintaan Bank.
- 5.2 Pedagang mesti tidak membuat sebarang pindaan pada Resit. Sebarang pindaan akan menjadikan Resit tidak sah.
- 5.3 Jika Bank mempunyai alasan munasabah untuk mempercayai bahawa Resit tersebut adalah tidak teratur (*sama ada melalui pemalsuan atau apa-apa cara lain, mencurigakan atau berkemungkinan berunsur penipuan, atau transaksi tersebut melanggar undang-undang atau kaedah mana-mana Syarikat Kad dan/atau agensi kerajaan, atau jika Bank menerima kenyataan bertulis daripada Pemegang Kad yang menafikan transaksi berkenaan*) ("**Resit Tidak Teratur**"), maka Resit Tidak Teratur tersebut adalah tidak sah.
- 5.4 Tanpa prejudis kepada Klausa 5.3:-
- (a) jika Bank adalah pengeluar Kad untuk Resit Tidak Teratur, Bank boleh menahan pembayaran sehingga enam (6) bulan dari tarikh pembentangan Resit Tidak Teratur ("**Tempoh Penahanan Permulaan**") untuk siasatan. Jika Bank mendapati Resit Tidak Teratur sebenarnya sah, Bank hendaklah membuat pembayaran untuknya tanpa faedah. Jika Bank tidak dapat menyelesaikan siasatannya semasa Tempoh Penahanan Permulaan, Bank boleh membuat laporan polis terhadap Pedagang dan terus menahan pembayaran sehingga Bank menerima laporan siasatan polis yang lengkap. Jika berdasarkan penemuan polis, Bank berpuas hati bahawa Resit Tidak Teratur adalah sah, Bank hendaklah membuat pembayaran untuknya tanpa faedah.
 - (b) Jika Bank bukan pengeluar Kad untuk Resit Tidak Teratur, Bank boleh menahan pembayaran untuk Tempoh Penahanan Permulaan dan cuba mendapatkan pengesahan secara bertulis daripada Pemegang Kad berkaitan atau pengeluar Kad berkaitan tentang kesahan Kad Tidak Teratur. Jika Bank tidak boleh mendapatkan pengesahan sedemikian sebelum tamat Tempoh Penahanan Permulaan atau pengeluar Kad berkaitan mengenakan caj balik ke atas Bank, Resit Tidak Teratur hendaklah dianggap tidak sah. Jika Bank tidak boleh mendapatkan pengesahan secara bertulis sebelum Tempoh Penahanan Permulaan tamat, Bank juga boleh membuat laporan polis terhadap Pedagang dan terus menahan pembayaran sehingga Bank menerima laporan siasatan polis yang lengkap. Jika berdasarkan penemuan polis, Bank berpuas hati bahawa Resit Tidak Teratur adalah sah, Bank hendaklah membuat pembayaran untuknya tanpa faedah.
- 5.5 Dengan menyerahkan kepada Bank Resit Terminal atau melaksanakan Fungsi Penyelesaian, Pedagang merepresentasi dan mewaran kepada Bank bahawa: -
- (a) Kad yang digunakan adalah sah pada masa transaksi yang berkaitan;
 - (b) Pedagang telah menjual barangan dan/atau perkhidmatan dalam nilai yang dinyatakan di dalamnya;
 - (c) Pedagang tidak dan tidak akan mendapat sebarang pembayaran tambahan atau balasan lain daripada Pemegang Kad untuk transaksi selain daripada nilai yang dinyatakan pada Resit;
 - (d) Resit tidak diubah selepas transaksi;
 - (e) Jika Kad termasuk gambar Pemegang Kad, orang yang membentangkan Kad adalah orang yang sama dalam gambar;
 - (f) Pedagang telah membandingkan empat (4) angka pertama yang menandakan nombor akaun yang timbul pada permukaan Kad Kredit dengan empat (4) angka pra-cetak yang muncul tepat di atas empat (4) angka yang timbul pada Kad Kredit dan telah mendapati mereka adalah sama dan dalam kes transaksi pendahuluan tunai, Pedagang hendaklah menulis empat (4) angka pracetak pada Resit;
 - (g) Pemberikuasaan Pemegang Kad untuk transaksi tidak diperolehi secara penipuan;
 - (h) Pemegang Kad belum mencuba dan tidak mencuba untuk membatalkan transaksi dengan Pedagang;
 - (i) Bayaran oleh Pemegang Kad untuk barangan yang dibeli dan/atau perkhidmatan yang diberikan sebenarnya perlu dibayar; dan
 - (j) Transaksi adalah sah dari segi undang-undang dan boleh dikuatkuasakan oleh undang-undang dan oleh terma-terma dan syarat-syarat ini.

6. BAYARAN KEPADA PEDAGANG UNTUK TRANSAKSI KAD

- 6.1 Pada Hari Perniagaan berikutnya selepas pelaksanaan Fungsi Penyelesaian, Bank akan membayar kepada Pedagang wang yang perlu dibayar untuk Transaksi Kad selepas menolak Diskaun Pedagang dan semua fi dan caj lain, melainkan:-
- (a) Bank telah menerima notis untuk menahan pembayaran atau menggunakan budi bicaranya untuk menahan pembayaran; atau
 - (b) Pedagang telah memungkirkan mana-mana kewajipannya.
- 6.2 Untuk Transaksi Kad MPOS, sistem akan secara automatik melaksanakan Fungsi Penyelesaian setiap hari antara jam 23:00 hingga 23:59. Jika Fungsi Penyelesaian gagal dilaksanakan secara automatik atas apa jua sebab sekalipun, Pedagang hendaklah pada jam 09:30 keesokan harinya secara manual melaksanakan Fungsi Penyelesaian dan Bank layak kepada Diskaun Pedagang dan semua fi dipersetujui lain daripada jumlah caj dibentangkan. Pedagang juga boleh memilih untuk melaksanakan Fungsi Penyelesaian tambahan pada bila-bila masa sepanjang hari.
- 6.3 Jika pembayaran tidak diterima oleh Pedagang dalam tujuh (7) Hari Kalendar dari tarikh Fungsi Penyelesaian dilaksanakan atau tarikh Transaksi Kad berkaitan Pedagang mesti segera memaklumkan kepada Bank secara bertulis. Jika Pedagang tidak memaklumkan kepada Bank bahawa ia tidak menerima pembayaran dalam empat belas (14) Hari Kalendar dari tarikh Fungsi Penyelesaian dilaksanakan atau tarikh Transaksi Kad berkaitan, Bank tidak perlu membayar wang yang dituntut oleh Pedagang di bawah Fungsi Penyelesaian/Transaksi Kad tersebut.
- 6.4 Sebarang percanggahan atau kesilapan yang timbul daripada proses penyelesaian, mesti dimaklumkan kepada Bank secara bertulis dalam tujuh (7) Hari Kalendar dari tarikh pembayaran Bank, jika gagal Pedagang akan dianggap telah mengetepikan haknya untuk membuat sebarang tuntutan terhadap Bank berkenaan dengan percanggahan atau kesilapan tersebut.

7. PEMBAYARAN BALIK DAN PELARASAN LAIN

- 7.1 Pembayaran balik oleh Pedagang hendaklah dilakukan seperti yang berikut:-
- (a) Jika Transaksi Kad/Transaksi Kod QR dilakukan dengan menggunakan MPOS dan Pedagang belum mengaktifkan Fungsi Penyelesaian, Pedagang hendaklah membalikkan transaksi berkaitan di MPOS;
 - (b) Jika ia adalah Kad Kredit, Kad Debit (melainkan dan kecuali untuk PayNet – MyDebit) atau Transaksi Kod QR yang dilakukan dengan menggunakan Terminal dan Fungsi Penyelesaian belum diaktifkan, Pedagang hendaklah membalikkan transaksi berkaitan di Terminal; atau
 - (c) Jika Fungsi Penyelesaian telah diaktifkan atau jika transaksi berkaitan telah dibayar kepada Pedagang, Pedagang hendaklah memproses transaksi kredit dalam talian kepada Bank atau mana-mana sumber yang dinamakan oleh Bank untuk melengkapkan Slip Kredit. Pedagang hendaklah menandatangani dan menetapkan tarikh setiap Slip Kredit dan menyatakan barang dagangan yang dipulangkan, perkhidmatan yang dibatalkan atau pelarasan yang dilakukan dan jumlah kredit dengan butiran yang mencukupi untuk mengenal pasti transaksi lebih awal. Sesalinan Slip Kredit yang lengkap hendaklah dihantar kepada Pemegang Kad dan kepada Bank dalam tujuh (7) Hari Kalendar dari tarikh pengeluarannya.
- 7.2 Jumlah amaun setiap Slip Kredit ditolak Diskaun Pedagang berkaitan yang dikenakan oleh Bank hendaklah dengan segera dibayar oleh Pedagang kepada Bank.

8. PERALATAN DAN PEMBACA KAD

- 8.1 Pedagang mesti menggunakan semua peralatan yang dibekalkan oleh Bank (*termasuk Terminal, Pad PIN*) (secara kolektif “**Peralatan**”) dan Resit Terminal mengikut arahan pengendalian Bank. Peralatan tersebut kekal menjadi hak milik Bank pada setiap masa dan mesti diserahkan kepada Bank atas permintaan atau penamatan penggunaan

oleh Bank. Pedagang mesti membayar kos pembaikan dan penggantian alat ganti untuk Peralatan yang timbul daripada kerosakan cuai, penggunaan tanpa diberi kuasa, penyalahgunaan atau salah guna.

- 8.2 Pedagang mesti memastikan bahawa semua Peralatan beroperasi dan sedia untuk digunakan dan semua fi pemasangan untuk kemudahan telekomunikasi, punca kuasa elektrik dan talian telefon dan sebarang caj pengendalian dan penggunaan lain untuk pengendalian Peralatan hendaklah disediakan oleh Pedagang dengan kos dan perbelanjaannya sendiri.
- 8.3 Pedagang bertanggungjawab sepenuhnya untuk mencegah kecurian, kehilangan, kerosakan cuai, penggunaan tanpa diberi kuasa, penyalahgunaan atau salah guna Peralatan dan Pedagang mesti segera memaklumkan kepada Bank jika mana-mana Peralatan hilang, dicuri atau rosak. Sekiranya mana-mana Peralatan hilang atau dicuri, Pedagang hendaklah membayar kos penggantian Peralatan semasa kepada Bank. Sebagai rujukan, kos penggantian Peralatan semasa adalah:-

Jenis Peralatan	Kos Penggantian Peralatan
Terminal – GPRS	RM2,000.00 setiap terminal
Terminal – IP	RM1,200.00 setiap terminal
Pek Kuasa	RM300.00 setiap terminal
Bateri	RM300.00 setiap terminal

- 8.4 Pedagang mesti memaklumkan kepada Bank jika terdapat sebarang malfungsi pada Peralatan dalam satu (1) Hari Perniagaan selepas menyedari malfungsi. Pedagang mesti membenarkan kakitangan diberi kuasa Bank memasuki premis mereka untuk memasang, memeriksa, membaiki, menservis atau mengalihkan Peralatan pada bila-bila masa yang munasabah. Setelah pemasangan, pembaikan atau servis Peralatan selesai, Pedagang mesti mengakui penerimaannya kepada pemasangan, pembaikan atau servis secara bertulis. Bank tidak bertanggungjawab ke atas kerugian Pedagang jika terdapat sebarang kelewatan dalam pembaikan atau penggantian Peralatan.
- 8.5 Pedagang mesti tidak mengalihkan Peralatan ke lokasi lain tanpa terlebih dahulu mendapatkan kebenaran bertulis Bank terdahulu.
- 8.6 Peralatan adalah untuk kegunaan eksklusif Pedagang dan Pedagang tidak boleh membenarkan mana-mana orang tanpa diberi kuasa untuk menggunakan atau mengakses Peralatan atau memberikan mana-mana pihak ketiga sebarang hak ke atas Peralatan.
- 8.7 Pedagang mesti memastikan bahawa Peralatan tidak diusik (*cth. tiada pengubahsuaian yang menyalahi undang-undang, kejuruteraan membalik pada Peralatan, menyingkirkan, menyembunyikan atau mengubah sebarang tanda yang menunjukkan pemilikan Peralatan*).
- 8.8 Pedagang mesti: -
- (a) mematuhi semua keperluan PCI-DSS, PayNet, Pengendali eDompot dan Syarikat-syarikat Kad atau mana-mana institusi ahli Syarikat-syarikat Kad semasa melaksanakan Transaksi;
 - (b) bertanggungjawab sepenuhnya dan hendaklah menanggung semua kos dan perbelanjaan untuk penyediaan, penyelenggaraan, kenaikan taraf, keselamatan dan integriti sistem komputer, perisian Pedagang dan semua kosnya yang diperlukan untuknya melaksanakan transaksi; dan
 - (c) memastikan semua sistem dan media yang mengandungi sebarang maklumat atau data (sama ada fizikal atau elektronik) yang berkaitan dengan Pemegang Kad, akaun Kad dan transaksi mereka dengan cara yang selamat tidak kurang daripada piawaian yang ditetapkan oleh PCI-DSS, seperti tanpa had kepada menyulitkan penghantaran data dan maklumat sensitif Pemegang Kad merentasi rangkaian awam, untuk menghalang akses oleh atau pendedahan kepada mana-mana kakitangan tanpa diberi kuasa. Jika mana-mana

maklumat atau data transaksi yang disimpan di mana-mana bahagian sistem Pedagang hilang, rosak, dicuri, diusik atau sebaliknya dikompromi, Pedagang mesti segera melaporkan dan memberi notis bertulis mengenai perkara ini kepada Bank sebaik sahaja Pedagang menyedarinya.

Terminal Pedagang

8.9 Jika Pedagang telah memasang terminalnya sendiri (“**Terminal Pedagang**”), Pedagang mesti memastikan bahawa:-

- (a) Terminal Pedagang patuh EMV dan perisian EMV yang digunakan mematuhi piawaian dan kehendak semasa Bank dan Terminal Pedagang boleh membaca dan/atau merekodkan data setiap transaksi Kad Tanpa Sentuhan;
- (b) Sistem hos Pedagang dapat memproses data Kad Kredit, Kad Debit, Kad Kredit EMV dan data eDompot;
- (c) Terminal Pedagang dipasang dan/atau dinaik taraf atas kos dan perbelanjaan Pedagang mengikut piawaian yang ditetapkan oleh Bank;
- (d) Terminal Pedagang dikekalkan dalam keadaan berfungsi dengan baik atas kos dan perbelanjaan Pedagang; dan
- (e) Terminal Pedagang beroperasi dengan baik pada setiap masa. Jika Terminal Pedagang tidak berfungsi, Pedagang segera memaklumkan kepada Bank dan membaiki Terminal Pedagang atas kos dan perbelanjaan Pedagang sendiri.

Pedagang bertanggungjawab sepenuhnya untuk semua kerugian atau ganti rugi yang timbul daripada ketidaktepatan mana-mana data atau maklumat yang dihantar ke dan/atau daripada Terminal Pedagang.

8.10 Dalam keadaan kecemasan, Bank boleh, tanpa perlu memberi notis atau alasan, menyahaktifkan Terminal Pedagang dari sistem Bank. Jika tiada notis terdahulu diberikan, Bank akan menggunakan usaha terbaiknya untuk memaklumkan kepada Pedagang secepat mungkin selepas penyahaktifan.

8.11 Pada bila-bila masa atas permintaan Bank, Pedagang mesti membenarkan Bank atau kontraktornya untuk memeriksa Terminal Pedagang.

9. PENAMATAN PENGGUNAAN TERMINAL ATAU SALURAN INI DI CAWANGAN TERTENTU

9.1 Bank boleh menamatkan penggunaan semua atau mana-mana Terminal dan/atau MPOS di mana-mana satu atau lebih atau semua cawangan Pedagang dengan memberikan kepada Pedagang notis bertulis lima (5) hari. Pedagang juga boleh menamatkan penggunaan semua atau mana-mana Terminal dan/atau MPOS di mana-mana satu atau lebih atau semua cawangan Pedagang dengan memberikan kepada Bank notis bertulis dua puluh satu (21) hari. Jika penggunaan mana-mana Terminal dan/atau MPOS telah ditamatkan, Pedagang hendaklah memulangkan Peralatan yang dibekalkan oleh Bank di cawangan penamatan tersebut dalam tiga puluh (30) hari.

10. TERMA-TERMA DAN SYARAT-SYARAT TAMBAHAN UNTUK PERKHIDMATAN MYDEBIT, MPOS, PROGRAM DCC, PWP, PERKHIDMATAN NILAI TAMBAH ITERMINAL (*DENGAN CIRI-CIRI BAHARU TRM (PENGURUSAN REKONSILIASI TRANSAKSI)*), DISKAUN SEGERA & PROMOZONE) DAN PERKHIDMATAN NILAI TAMBAH ITERMINAL (*PENYEDIAAN PELAN BAYARAN MUDAH (EPP) TIGA PULUH PIHAK PENGELUAR MELALUI TERMINAL BANK*) DAN EPP

10.1 Apabila menggunakan:-

- (a) Perkhidmatan MyDebit, Terma-terma dan Syarat-syarat Tambahan untuk Perkhidmatan MyDebit yang dinyatakan dalam **Jadual 1** hendaklah juga terpakai;
- (b) MPOS untuk memudahkan transaksi, Terma-terma dan Syarat-syarat Tambahan untuk MPOS yang dinyatakan dalam **Jadual 2** hendaklah juga terpakai;
- (c) program Penukaran Mata Wang Dinamik (*Dynamic Currency Conversion*) (“**Program DCC**”), terma-terma dan syarat-syarat Program DCC terkandung dalam **Jadual 4** hendaklah juga terpakai;

- (d) program Bayar dengan Mata (*Pay with Points*) (“**PWP**”), terma-terma dan syarat-syarat PWP terkandung dalam **Jadual 5** hendaklah juga terpakai;
- (e) Perkhidmatan Nilai Tambah iTerminal (*dengan ciri-ciri baharu TRM (pengurusan rekonsiliasi transaksi), diskaun segera & promozone*) (“**iTVAS1**”), terma-terma dan syarat-syarat iTVAS1 terkandung dalam **Jadual 6** hendaklah juga terpakai; dan
- (f) Perkhidmatan Nilai Tambah iTerminal (*penyediaan pelan bayaran mudah (epp) tiga puluh pihak pengeluar melalui Terminal Bank*) (“**iTVAS2**”), terma-terma dan syarat-syarat iTVAS2 terkandung dalam **Jadual 7** hendaklah juga terpakai.

10.2 Apabila Pedagang telah memilih untuk menyertai dalam Program Pelan Bayaran Mudah (“**EPP**”):

- (a) terma-terma dan syarat-syarat EPP yang dimaklumkan kepada Pedagang pada masa penyertaan Pedagang atau pada tarikh berikutnya hendaklah juga terpakai;
- (b) Pedagang hendaklah menerima EPP sebagai cara pembayaran untuk Transaksi Kad yang diproses melalui Terminal dan/atau MPOS;
- (c) mana-mana pihak boleh menamatkan penyertaan Pedagang dalam EPP untuk kesenangan tanpa sebab dengan memberikan notis bertulis terdahulu tiga puluh (30) Hari Kalendar kepada pihak yang satu lagi sebelum tarikh penamatan yang dimaksudkan; dan
- (d) sekiranya berlaku penamatan Lampiran A ini antara Pedagang dan Bank, penyertaan Pedagang dalam EPP ditamatkan secara automatik.

11. LAMPIRAN A (TERMASUK JADUAL-JADUAL 1 HINGGA 7) UNTUK DIBACA DENGAN TERMA-TERMA DAN SYARAT-SYARAT PERKHIDMATAN PEDAGANG

- 11.1 Lampiran A ini (termasuk Jadual-Jadual 1 hingga 7) hendaklah dibaca bersama dengan Terma-terma dan Syarat-syarat Perkhidmatan Pedagang Bank. Sekiranya terdapat percanggahan, Lampiran A (termasuk Jadual-Jadual 1 hingga 7) akan mengatasi Terma-terma dan Syarat-syarat Perkhidmatan Pedagang, setakat yang berkaitan dengan Terminal / MPOS dan/atau Perkhidmatan MyDebit, MPOS, Program DCC, PWP, iTVAS1, iTVAS2 dan EPP berkaitan.

● Halaman selebihnya sengaja dibiarkan kosong ●

Jadual 1 – Terma-terma dan Syarat-syarat Tambahan untuk Perkhidmatan MyDebit

1. Perkhidmatan MyDebit

- 1.1 Bank ialah Peserta Perkhidmatan MyDebit dan Pedagang ialah pedagang berdaftar untuk Perkhidmatan MyDebit.
- 1.2 Sebagai balasan terhadap fi yang dibayar kepada Bank, Bank bersetuju untuk memudahkan penyertaan Pedagang dalam Perkhidmatan MyDebit menurut Terma-terma dan Syarat-syarat Perkhidmatan Pedagang (*yang termasuk Lampiran A dan Terma-terma dan Syarat-syarat Tambahan untuk Perkhidmatan MyDebit ini*).
- 1.3 Pedagang dengan ini bersetuju untuk mematuhi semua keperluan minimum dalam Terma-terma dan Syarat-syarat Perkhidmatan Pedagang (*yang termasuk Lampiran A dan Terma-terma dan Syarat-syarat Tambahan untuk Perkhidmatan MyDebit ini*) seperti yang dinyatakan oleh Pengendali MyDebit termasuk sebarang semakan masa hadapan yang akan dimaklumkan oleh Bank kepada Pedagang.

2. Jenis Pembayaran

- 2.1 Pedagang hendaklah menyokong transaksi MyDebit yang membolehkan Pemegang Kad menggunakan Kad Debit mereka untuk membayar terus dari akaun bank mereka melalui terminal tempat jualan (POS) dan dwi-antara muka yang menyokong kedua-dua transaksi sentuhan dan tanpa sentuhan.

3. Kewajipan Pedagang

- 3.1 Pedagang hendaklah, pada setiap masa, mematuhi Akta Perlindungan Pengguna 1999 kerana Pedagang dilarang terlibat dalam kelakuan yang mengelirukan dan memperdaya, salah nyata palsu, dan tuntutan tidak adil dalam menjual produk atau perkhidmatan mereka.
- 3.2 Pedagang tidak akan terlibat dalam aktiviti perniagaan yang melanggar undang-undang Malaysia.
- 3.3 Pedagang tidak akan menjual semula atau memperoleh mana-mana sub-Pedagang lain ke dalam Perkhidmatan MyDebit atau bertindak sebagai pengagregat pedagang untuk Pedagang lain, tanpa kebenaran bertulis terdahulu Pengendali MyDebit dan Bank.
- 3.4 Pedagang tidak akan menetapkan had pembelian.
- 3.5 Pedagang tidak akan mengenakan sebarang surcaj ke atas transaksi yang dilakukan dengan menggunakan MyDebit.
- 3.6 Pedagang hendaklah membuka akaun sebagai Akaun Ditetapkan Pedagang untuk tujuan pemindahan dana kepada Pedagang.
- 3.7 Pedagang dilarang dan tidak akan menyimpan sebarang kad MyDebit kepunyaan Pemegang Kad.
- 3.8 Pedagang tidak akan menangkap mana-mana kad MyDebit di Terminal atau kiosk mereka pada bila-bila masa. Jika kad MyDebit ditangkap akibat daripada sebab teknikal atau sebarang sebab lain, Pedagang hendaklah memulangkan kad kepada Bank untuk diserahkan kepada bank Pengeluar dalam 24 jam.
- 3.9 Pedagang hendaklah mengambil semua tindakan munasabah yang perlu untuk memastikan bahawa semua Terminal dan Pad PIN yang dikendalikan di premis mereka sedia untuk digunakan oleh Pemegang Kad semasa waktu operasi suis MyDebit dan bahawa Terminal dan Pad PIN digunakan dan telah mematuhi keperluan yang ditetapkan dalam Prosedur Operasi untuk MyDebit.
- 3.10 Pedagang hendaklah mematuhi Garis Panduan Jenama MyDebit yang dikeluarkan oleh Pengendali MyDebit pada setiap masa.
- 3.11 Pedagang hendaklah memaparkan logo MyDebit dan tanda Perkhidmatan MyDebit dengan jelas dan hendaklah memaklumkan kepada orang ramai bahawa Perkhidmatan MyDebit disediakan di premis Pedagang dan/atau pada

semua dokumentasi yang dikeluarkan dan/atau digunakan berkenaan dengan penyediaan perkhidmatan untuk mengenal pasti dan mempromosikan Perkhidmatan MyDebit.

- 3.12 Pedagang hendaklah membantu Pengeluar dan/atau Bank dengan sebarang pertanyaan yang dijalankan berkenaan dengan penyalahgunaan Perkhidmatan MyDebit.
- 3.13 Pedagang hendaklah menerima dan melayan semua kad MyDebit apabila dibentangkan oleh Pemegang Kad di mana-mana Terminal yang memaparkan logo MyDebit dan menyediakan barangan dan perkhidmatan pada terma-terma dan syarat-syarat yang sama seperti yang ia menyediakan barangan dan perkhidmatan kepada orang yang membeli barangan atau perkhidmatan melalui cara selain daripada kad MyDebit.
- 3.14 Pedagang hendaklah memastikan kerahsiaan dan keselamatan PIN yang dimasukkan oleh Pemegang Kad di Terminal.
- 3.15 Pedagang hendaklah memastikan setiap transaksi jual beli disahkan oleh Pemegang Kad mengikut cara yang terpakai pada Terminal.
- 3.16 Pedagang hendaklah mengendalikan Terminal mengikut arahan dan/atau arahan Bank.
- 3.17 Pedagang tidak akan menyalahgunakan atau mengganggu Terminal dalam apa jua cara.
- 3.18 Pedagang hendaklah memaklumkan kepada Bank tentang kegagalan Terminal dalam dua (2) Hari Perniagaan selepas menyedari kegagalan Terminal. Peruntukan ini adalah tanpa memprejudiskan kewajipan Pemegang Kad untuk memaklumkan kepada Bank tentang kegagalan Peralatan dalam satu (1) Hari Perniagaan selepas menyedari kegagalan Peralatan, di mana Terminal juga digunakan untuk transaksi pembayaran dan penerimaan lain (selain MyDebit).
- 3.19 Pedagang mesti tidak membuat sebarang waranti atau representasi berkenaan dengan barangan atau perkhidmatan yang dibekalkan yang mungkin mengikat Bank, Pengendali MyDebit, Pengeluar mana-mana Kad atau mana-mana Peserta lain dalam Perkhidmatan MyDebit.
- 3.20 Untuk tujuan Klausa 3.18, Pedagang akan bertanggungjawab ke atas sebarang tuntutan, ganti rugi dan perbelanjaan yang timbul daripada atau disebabkan oleh penyalahgunaan atau penggunaan tanpa diberi kuasa Jenama MyDebit. Sekiranya berlaku pelanggaran sedemikian, Bank boleh menamatkan penyertaan Pedagang dalam Perkhidmatan MyDebit. Selepas penamatan, Klausa 6.4 hendaklah diguna pakai dengan sewajarnya.
- 3.21 Pedagang hendaklah bersetuju dan membenarkan Bank untuk mendedahkan maklumatnya kepada Pengendali MyDebit, seperti yang mungkin diperlukan secara munasabah untuk tujuan dan berkaitan dengan penyediaan Perkhidmatan MyDebit.
- 3.22 Pedagang hendaklah memastikan bahawa pelanggan mereka sedar bahawa pembayaran kad boleh dilakukan melalui MyDebit.
- 3.23 Klausa 3.19 di sini hendaklah kekal terpakai selepas penamatan penyertaan Pedagang dalam Perkhidmatan MyDebit. Penamatan tidak menjejaskan hak terakru dan kewajipan tertanggung mana-mana pihak sebelum penamatan.

4. Kewajipan Bank

- 4.1 Bank hendaklah melaksanakan langkah-langkah yang munasabah untuk mengesan, mengurangkan, menyelesaikan dan mencegah perbuatan penipuan, sebenar dan disyaki.
- 4.2 Bank hendaklah memastikan bahawa perniagaan, aktiviti, produk dan perkhidmatan Pedagang tidak melanggar undang-undang Malaysia.

- 4.3 Bank hendaklah memastikan bahawa Pedagang mematuhi semua keperluan terpakai yang ditetapkan dalam Prosedur Operasi untuk MyDebit dan Terma-terma dan Syarat-syarat Perkhidmatan Pedagang.
- 4.4 Bank hendaklah memastikan bahawa Pedagang akan mengambil semua tindakan munasabah yang perlu untuk memastikan bahawa semua Terminal dan Pad PIN yang beroperasi di premis mereka sedia untuk digunakan oleh Pemegang Kad semasa waktu operasi suis MyDebit dan bahawa Terminal dan Pad PIN digunakan dan mematuhi keperluan yang ditetapkan dalam Prosedur Operasi untuk MyDebit Pengendali MyDebit.
- 4.5 Bank hendaklah menyediakan latihan yang diperlukan kepada Pedagang secara berterusan.
- 4.6 Bank hendaklah mendedahkan secara telus kepada Pedagang kadar pertukaran antara bank yang dikenakan di bawah skim kad debit serta kos efektif sebenar bagi kedua-dua pilihan penghalaan rangkaian—iaitu Penghalaan Keutamaan MyDebit dan Penghalaan Keutamaan AID. Bank juga hendaklah memastikan semua maklumat yang berkaitan disediakan dengan tepat bagi membolehkan Pedagang membuat keputusan yang bermaklumat mengenai pilihan penghalaan rangkaian.
- 4.7 Bank hendaklah mengarahkan transaksi debit Pedagang ke rangkaian dengan kos pertukaran dan Diskaun Pedagang terendah sekiranya Pedagang tidak membuat keputusan mengenai penghalaan rangkaian debit pilihan dan mendapatkan persetujuan yang sewajarnya daripada Pedagang mereka untuk mendedahkan maklumat yang diberikan oleh Pedagang dalam Lampiran IV dan Lampiran V Prosedur Operasi untuk MyDebit kepada Pengendali MyDebit.
- 4.8 Bank hendaklah melengkapi dan menyerahkan ‘Pengisytiharan Harga Berpatutan Pemeroleh’ dalam Lampiran V Prosedur Operasi untuk MyDebit secara suku tahunan, memberikan semua maklumat yang diperlukan secara lengkap dan tepat. Bank hendaklah menyerahkan ‘Pengisytiharan Harga Berpatutan Pemeroleh’ kepada PayNet selewat-lewatnya pada 15 Januari, 15 April, 15 Julai dan 15 Oktober setiap tahun, membuktikan bahawa harga berpatutan telah disebut harga kepada pedagang mereka pada suku sebelumnya.
- 4.9 Jika akan berlaku gangguan akibat penyelenggaraan berjadual, Bank hendaklah memberikan notis awal tujuh (7) Hari Perniagaan kepada Pedagang dan Pengendali MyDebit, dengan menyatakan dengan jelas jangka masa dan tempoh gangguan. Bank akan kemudiannya dikehendaki untuk memberikan kepada Pedagang peringatan sasaran secukup masa mendekati penyelenggaraan berjadual untuk memastikan Pedagang menyedari gangguan.
- 4.10 Bank hendaklah memaklumkan kepada Pedagang apabila sistem atau peralatan tidak tersedia untuk digunakan atau apabila terdapat malfunction.
- 4.11 Bank hendaklah memastikan bahawa Pedagang dibayar tepat pada masanya menurut Terma-terma dan Syarat-syarat Perkhidmatan Pedagang (termasuk Lampiran A) apabila menerima dana melalui penyelesaian antara bank di Pengendali MyDebit.
- 4.12 Bank hendaklah mengambil tindakan yang sewajarnya untuk memastikan Pedagang tidak mengenakan sebarang surcay dan/atau amaun transaksi minimum bagi transaksi MyDebit. Bank hendaklah mendedahkan kepada pemegang kad sebarang pengecualian yang diberikan oleh pengendali rangkaian kad pembayaran atau Bank untuk mengenakan surcay atau amaun transaksi minimum apabila menggunakan MyDebit. Bank hendaklah memastikan Pedagang menyediakan maklumat yang cukup jelas dan eksplisit di titik jualan mengenai saluran yang tersedia bagi pemegang kad untuk mengemukakan aduan berkaitan dengan amalan surcay dan amaun transaksi minimum.
- (a) Bagi tujuan Klausula 4.12, Bank hendaklah memastikan Pedagang yang dikecualikan daripada sekatan tiada surcay atau amaun transaksi minimum untuk memaklumkan pemegang kad secara eksplisit di titik jualan mengenai;
 - i. amalan surcay dan/atau amaun transaksi minimum mereka; dan
 - ii. saluran yang tersedia bagi pemegang kad untuk mengemukakan aduan;
 - (b) Bank hendaklah mengambil tindakan segera dan sewajarnya terhadap Pedagang yang tidak mendedahkan maklumat di bawah Klausula 4.12(a) atau memberikan maklumat yang tidak tepat, palsu atau mengelirukan; dan

(c) Bank hendaklah juga menangani aduan yang diterima daripada pemegang kad secara tepat pada masanya, termasuk dengan memberikan justifikasi kepada pemegang kad bagi kes-kes pengecualian yang diberikan kepada Pedagang untuk mengenakan surcaj atau menetapkan amaun transaksi minimum.

5. Tanggung Rugi

5.1 Sebagai tambahan kepada Klausa 17 Terma-terma dan Syarat-syarat Perkhidmatan Pedagang, tertakluk kepada pematuhan Bank dan Pedagang (selepas ini dirujuk sebagai “pihak”) dengan Klausa 5.3, setiap pihak (“Pihak Menanggung Rugi”) bersetuju untuk menanggung rugi dan memastikan pihak lain dan kakitangan, ejen, pekerja dan kontraktornya tidak dipertanggungjawabkan atas dasar tanggung rugi penuh terhadap semua tuntutan, liabiliti, penalti, perbelanjaan, kos, kerugian atau ganti rugi dalam apa jua bentuk (termasuk kos guaman atas dasar tanggung rugi penuh yang ditanggung oleh pihak lain) yang dialami atau ditanggung oleh pihak lain akibat daripada mana- mana yang berikut:-

- (a) sebarang kecuai, salah nyata atau penipuan di pihak Pihak Menanggung Rugi, kakitangan, ejen, pekerja atau kontraktornya berkenaan dengan pelaksanaan kewajibannya atau pelaksanaan mana-mana haknya di bawah Terma-terma dan Syarat-syarat Tambahan untuk Perkhidmatan MyDebit ini;
- (b) sebarang tuntutan oleh Pemegang Kad, Bank, Pengeluar, Pengendali MyDebit atau mana-mana orang lain untuk sebarang pelanggaran oleh Pihak Menanggung Rugi terhadap mana-mana undang-undang yang terpakai;
- (c) kegagalan Pihak Menanggung Rugi untuk mematuhi mana-mana kewajibannya di bawah Terma-terma dan Syarat-syarat Tambahan untuk Perkhidmatan MyDebit ini; atau
- (d) sebarang penggunaan Jenama MyDebit oleh Pihak Menanggung Rugi selain daripada yang dibenarkan oleh Garis Panduan Jenama MyDebit yang dikeluarkan oleh Pengendali MyDebit,
- (e) kecuali setakat liabiliti sedemikian yang timbul atau ditanggung oleh pihak lain disebabkan oleh sebarang perbuatan atau peninggalan di pihaknya yang disebutkan dalam Klausa 5.1 (a) hingga (d).

5.2 Walau apa pun Klausa 5.1 di atas, jika Bank menjadi tidak solven, Pedagang dengan ini bersetuju untuk menanggung rugi Pengendali MyDebit daripada semua tuntutan, kerugian, ganti rugi, penalti, saman, kos dan perbelanjaan (termasuk fi guaman yang munasabah) pada setiap masa (Klausa 5.2 hanya terpakai untuk Pemeroleh Pihak Ketiga lantikan Pengendali MyDebit).

5.3 Sekiranya tuntutan dibuat terhadap pihak yang mana pihak tersebut berhak untuk ditanggung rugi menurut Klausa 5.1 atau 5.2, pihak tersebut mesti:

- a. Memberi notis tentang sebarang tuntutan sedemikian kepada pihak lain;
- b. Berunding dengan pihak lain berhubung dengan sebarang tuntutan sedemikian; dan
- c. Tidak menyelesaikan apa-apa tuntutan tanpa mendapatkan kebenaran bertulis terlebih dahulu daripadapihak lain, kebenaran sedemikian tidak boleh ditahan secara tidak munasabah.

5.4 Bank tidak bertanggungjawab kepada Pedagang untuk sebarang kerugian atau ganti rugi yang dialami oleh Pedagang akibat kelewatan atau gangguan yang disebabkan oleh sebarang kegagalan sistem di luar kawalan munasabah Bank.

5.5 Bagi tujuan klausa ini, kerugian atau ganti rugi termasuk sebarang kerugian atau ganti rugi yang berbangkit atau ekonomi.

6. Penggantungan dan Penamatan

Penggantungan

6.1 Bank merizabkan hak untuk menggantung penyertaan Pedagang dalam Perkhidmatan MyDebit dengan memberikan

notis bertulis yang menyatakan tarikh penggantungan dan sebarang syarat yang terpakai untuk penggantungan, di bawah keadaan berikut:

- 6.1.1 Bank telah menentukan bahawa Pedagang telah memungkirkan Terma-terma dan Syarat-syarat Tambahan untuk Perkhidmatan MyDebit ini atau mana-mana kaedah, garis panduan, peraturan, pekeliling atau undang-undang terpakai;
- 6.1.2 Pedagang gagal membetulkan kemungkiran yang diterangkan dalam Klausula 6.1.1 hingga kepuasan Bank;
- 6.1.3 Bank telah menentukan bahawa Pedagang mempunyai kawalan operasi yang tidak mencukupi atau proses pengurusan risiko yang tidak mencukupi, mengakibatkan ancaman atau risiko berpotensi kepada kestabilan, integriti, keselamatan, sekuriti dan kecukupan Perkhidmatan MyDebit;
- 6.1.4 Perintah Mahkamah telah diberikan yang menjejaskan status undang-undang Pedagang;
- 6.1.5 Permohonan dilakukan kepada mahkamah sama ada secara sukarela atau bukan sukarela untuk perintah supaya Pedagang digulung;
- 6.1.6 Pedagang dianggap tidak mampu membayar hutangnya dan harus digulung di bawah undang-undang berkanun;
- 6.1.7 Pedagang disyaki atas alasan munasabah bahawa ia memudahkan, terlibat dalam, telah melakukan atau akan melakukan tindakan penipuan berkaitan dengan Perkhidmatan MyDebit;
- 6.1.8 Bank telah menerima aduan daripada Pedagang lain, bank lain, Pengeluar Kad atau Pemegang Kad bahawa Pedagang terlibat dalam aktiviti penipuan berkaitan dengan Perkhidmatan MyDebit; atau
- 6.1.9 Pedagang telah digantung daripada Perkhidmatan MyDebit oleh bank lain disebabkan oleh kemungkiran peruntukan Terma-terma dan Syarat-syarat Tambahan untuk Perkhidmatan MyDebit ini atau sebarang kaedah, garis panduan, peraturan, pekeliling atau undang-undang terpakai.
- 6.2 Selepas penggantungan penyertaan Pedagang dalam Perkhidmatan MyDebit:
 - 6.2.1 Perkhidmatan yang disediakan di bawah Perkhidmatan MyDebit akan digantung serta merta;
 - 6.2.2 Pedagang tidak akan dapat menawarkan Perkhidmatan MyDebit lagi;
 - 6.2.3 Pedagang akan berhenti menerima bayaran daripada Bank/ Pengendali MyDebit (melalui DMS);
 - 6.2.4 Pedagang mesti menghentikan semua promosi dan pengiklanan yang berkaitan atau boleh dianggap berkaitan dengan Perkhidmatan MyDebit;
 - 6.2.5 Pedagang mesti mengalih keluar semua Jenama MyDebit daripada kolateral, saluran dan laman web pemasaran Pedagang; dan
 - 6.2.6 Pedagang mesti mengambil semua langkah yang munasabah untuk mematuhi sebarang arahan Bank untuk meminimumkan kesan ke atas penggantungan terhadap Pemegang Kad.

Penamatan

- 6.3 Bank, mengikut mana-mana yang berkenaan, merisabkan hak untuk menamatkan penyertaan Pedagang dalam Perkhidmatan MyDebit di bawah keadaan berikut, yang termasuk, tetapi tidak terhad kepada:
 - 6.3.1 Terma-terma dan Syarat-syarat Tambahan untuk Perkhidmatan MyDebit antara Pedagang dan Bank ini ditamatkan atau tamat tempoh;
 - 6.3.2 Bank telah menentukan bahawa Pedagang telah memungkirkan Terma-terma dan Syarat-syarat Tambahan untuk

Perkhidmatan MyDebit ini, atau terma-terma dan syarat-syarat yang ditetapkan dalam Borang Pendaftaran Pedagang MyDebit, atau mana-mana peraturan, garis panduan, peraturan, pekeliling atau undang-undang terpakai;

- 6.3.3 Pedagang gagal untuk membetulkan atau mengambil langkah yang mencukupi untuk membetulkan keingkarannya di bawah Terma-terma dan Syarat-syarat Tambahan untuk Perkhidmatan MyDebit ini kepada kepuasan Bank dalam tempoh masa seperti yang dinyatakan dalam notis keingkaran yang diberikan oleh Bank;
 - 6.3.4 Bank telah menentukan bahawa Pedagang mempunyai kawalan operasi yang tidak mencukupi atau proses pengurusan risiko yang tidak mencukupi yang mengakibatkan ancaman berpotensi kepada kestabilan, integriti, keselamatan dan kecukupan Perkhidmatan MyDebit;
 - 6.3.5 Perintah Mahkamah telah diberikan yang menjejaskan status undang-undang Pedagang;
 - 6.3.6 Permohonan dilakukan kepada mahkamah sama ada secara sukarela atau bukan sukarela untuk perintah supaya Pedagang digulung;
 - 6.3.7 Pedagang dianggap tidak mampu membayar hutangnya dan harus digulung di bawah undang-undang berkanun; atau
 - 6.3.8 Keanggotaan Bank dalam Perkhidmatan MyDebit atau RENTAS ditamatkan atau digantung dan Pedagang belum melantik bank gantian.
- 6.4 Selepas penamatan penyertaan Pedagang dalam Perkhidmatan MyDebit, Pedagang mesti menghentikan semua promosi dan pengiklanan yang berkaitan atau boleh dianggap berkaitan dengan Perkhidmatan MyDebit.
- 6.5 Penamatan penyertaan Pedagang dalam Perkhidmatan MyDebit tidak akan memadamkan sebarang hak atau liabiliti tertunggak yang timbul di bawah Terma-terma dan Syarat-syarat Tambahan untuk Perkhidmatan MyDebit ini dan Terma-terma dan Syarat-syarat Perkhidmatan Pedagang atau terma-terma dalam Prosedur Operasi untuk MyDebit yang terpakai kepada Pedagang seperti yang dicerminkan dalam Terma-terma dan Syarat-syarat Tambahan untuk Perkhidmatan MyDebit ini.
- 7. Pengiklanan dan Penggunaan Logo**
- 7.1 Pengendali MyDebit memiliki semua hak, hak milik dan kepentingan dalam Jenama MyDebit dan Pengendali MyDebit dan/atau Bank boleh menentukan dan boleh pada bila-bila masa meminda keperluan berkaitan dengan penggunaan dan/atau paparan Jenama MyDebit.
 - 7.2 Pedagang hendaklah mematuhi keperluan, proses dan/atau garis panduan yang ditetapkan oleh Pengendali MyDebit berdasarkan Garis Panduan Jenama MyDebit.
 - 7.3 Pedagang mesti menggunakan denotasi yang sesuai atau legenda pendaftaran atau pemilikan cap dagangan berkaitan dengan Jenama MyDebit, seperti yang diperlukan atau dipersetujui oleh Pengendali MyDebit dan/atau Bank.
 - 7.4 Pedagang hendaklah hanya menggunakan Jenama MyDebit bagi tujuan tunggal untuk mempublikasikan, menunjukkan dan mengiklankan bahawa Pedagang menerima permintaan pembayaran melalui Perkhidmatan MyDebit.
 - 7.5 Pengendali MyDebit dan/atau Bank mempunyai hak untuk mengarahkan Pedagang membuat perubahan pada penggunaan Jenama MyDebit mereka untuk membetulkan sebarang ketidakpatuhan atau ketidakpatuhan berpotensi.
 - 7.6 Pengendali MyDebit melalui Bank, boleh pada bila-bila masa mengarahkan Pedagang untuk berhenti menggunakan Jenama MyDebit di mana penggunaan tersebut memungkirkan Terma-terma dan Syarat-syarat Tambahan untuk Perkhidmatan MyDebit ini atau terma-terma dalam Prosedur Operasi untuk MyDebit yang terpakai kepada Pedagang seperti yang ditetapkan dalam Terma-terma dan Syarat-syarat Tambahan untuk Perkhidmatan MyDebit ini.

- 7.7 Pedagang mesti tidak menggunakan Jenama MyDebit dengan cara di mana ia mewujudkan tanggapan bahawa barangan atau perkhidmatan yang ditawarkan oleh Pedagang adalah ditaja, dihasilkan, ditawarkan atau dijual oleh pemilik Jenama MyDebit. Pedagang mesti tidak mengguna pakai “MyDebit” atau mana-mana Jenama MyDebit lain sebagai mana-mana bahagian nama perniagaannya atau menggunakannya pada mana-mana barangan atau perkhidmatan yang ditawarkan untuk jualan.
- 7.8 Pedagang mesti segera apabila menyedari sebarang pelanggaran atau pelanggaran berpotensi Jenama MyDebit, memaklumkan kepada Bank.
8. **Fi**
- 8.1 Pedagang hendaklah membayar Kadar Diskaun Pedagang dan/atau Fi ke atas transaksi pada kadar yang dimaklumkan oleh Bank dan dipersetujui oleh Pedagang dari semasa ke semasa.
9. **Penafian**
- 9.1 Pengendali MyDebit dan Bank tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang tuntutan, tindakan, permintaan, kos, perbelanjaan, kerugian dan ganti rugi (sebenar dan berbangkit) termasuk kos guaman yang ditanggung atau dialami oleh Pedagang yang timbul daripada atau disebabkan oleh Bank berhubung dengan operasi dan perkhidmatan yang disediakan oleh Bank dalam Perkhidmatan MyDebit. Pedagang bersetuju bahawa ia akan berkomunikasi dan menyelesaikan sebarang pertikaian berhubung dengan perkara yang disebutkan di atas dengan Bank.
10. **Pertikaian / Tuntutan Pemegang Kad**
- 10.1 Jika sebarang pertikaian antara Pemegang Kad dan Pedagang timbul semasa penggunaan Perkhidmatan MyDebit, proses yang digunakan untuk menyelesaikan perselisihan di kalangan Pemegang Kad dan Pedagang hendaklah berdasarkan dokumen polisi Kad Debit oleh Bank Negara Malaysia.
- 10.2 Pedagang hendaklah memberikan maklumat dan membantu Bank untuk memudahkan penyiasatan berkaitan dengan transaksi yang dipertikaikan, transaksi penipuan dan permintaan untuk bayaran balik oleh Pemegang Kad mengikut proses dan garis masa berikut.
- 10.3 Jika permintaan sah untuk pemungutan semula dana telah diterima oleh Pedagang dalam enam puluh (60) Hari Kalendar selepas pembayaran MyDebit Pemegang Kad, Pedagang hendaklah menangani pertikaian / tuntutan Pemegang Kad untuk kepuasan Pemegang Kad.
- 10.3.1 Pemegang Kad boleh mengemukakan permintaan untuk bayaran balik kepada Pedagang selepas pembayaran MyDebit telah dibuat, atas sebab-sebab berikut:
- a. Barangan atau perkhidmatan yang dibeli tidak disediakan atau diberikan disebabkan oleh kegagalan pelaksanaan atau tidak solven Pedagang; dan/atau
 - b. akaun bank Pemegang Kad telah tersilap didebitkan berbilang kali untuk pembelian tunggal atau dicaj dengan jumlah yang salah oleh Pedagang.
- 10.3.2 Apabila menerima permintaan untuk bayaran balik, Pedagang hendaklah memberi maklumbalas semua permintaan untuk bayaran balik dalam tujuh (7) Hari Perniagaan selepas penerimaan. Pedagang hendaklah memastikan bahawa tuntutan bayaran balik ditangani dalam rangka masa tujuh (7) Hari Perniagaan.
- 10.4 Pedagang boleh menyediakan bukti konkrit untuk membantah tuntutan. Bukti boleh termasuk bukti penghantaran, perakuan daripada pembekal tentang ketulenan barangan, atau dokumentasi lain untuk menunjukkan pelaksanaan Pedagang akan kewajibannya. Jika Pedagang tidak dapat memberikan bukti dalam rangka masa yang dinyatakan dalam Klausa 10.3.2 atau bukti tidak secara muktamad menafikan tuntutan bayaran balik Pemegang Kad, Pedagang dikehendaki membayar balik hasil pembelian kepada Pemegang Kad dalam tiga (3) Hari Perniagaan. Bukti yang diberikan oleh Pedagang untuk menolak tuntutan bayaran balik dianggap mencukupi jika kedua-dua Pengeluar dan Bank berpuas hati sepenuhnya bahawa Pedagang telah menunjukkan dengan secukupnya bahawa Pedagang telah melaksanakan kewajibannya.

- 10.5 Jika Pedagang tidak dapat menafikan tuntutan bayaran balik dengan secukupnya mengikut Klausa 10.4, Bank berhak untuk mendebit mana-mana akaun Pedagang yang dikekalkan dengan Bank untuk pemungutan semula jumlah yang dipertikaikan, sama ada sepenuhnya atau sebahagian.

11. Penyelesaian Pertikaian

- 11.1 Bank dan Pedagang hendaklah mewujudkan mekanisme untuk penyelesaian transaksi pertikaian.
- 11.2 Semua keputusan yang diberikan oleh Pengendali MyDebit sebagai tindak balas kepada aduan daripada Pedagang hendaklah mengikat Bank.
- 11.3 Merujuk dakwaan ketidakpatuhan kepada Pengendali MyDebit tidak menghalang hak Pedagang untuk membawa pertikaian kepada badan timbangtara atau pengantaraan industri masing-masing.

12. Kerahsiaan

- 12.1 Pedagang hendaklah menganggap sebarang maklumat yang ia terima atau miliki hasil daripada Terma-terma dan Syarat-syarat Tambahan untuk Perkhidmatan MyDebit ini, sebagai sulit dan tidak akan menggunakan maklumat tersebut selain untuk tujuan yang diberikan.
- 12.2 Pedagang hendaklah memastikan bahawa pekerja, wakil dan pembekal mereka mematuhi keperluan kerahsiaan pada setiap masa.
- 12.3 Kewajipan Pedagang mengenai kerahsiaan akan kekal selepas tamat tempoh atau penamatan akses mereka dalam Perkhidmatan MyDebit atau Terma-terma dan Syarat-syarat Tambahan untuk Perkhidmatan MyDebit ini.
- 12.4 Klausa 12.1 tidak boleh diguna pakai untuk maklumat yang:
- a. diperoleh secara sah oleh Pedagang daripada pihak ketiga tanpa sebarang kewajipan oleh Pedagang untuk mengekalkan maklumat proprietari atau sulit;
 - b. dibangunkan secara bebas oleh Pedagang tanpa merujuk kepada atau dengan menggunakan maklumat Bank atau Pengendali MyDebit;
 - c. dikehendaki untuk mendedahkan atau membocorkan oleh mana-mana mahkamah, tribunal, kerajaan atau pihak berkuasa yang mempunyai bidang kuasa kompeten atau oleh mana-mana statut, peraturan atau keperluan undang-undang lain, panel pengambilalihan atau badan awam atau separa awam lain seperti yang dikehendaki oleh undang-undang dan di mana Pedagang dikehendaki oleh undang-undang untuk membuat pendedahan sedemikian. Pedagang hendaklah memberi pemberitahuan kepada Bank sebaik sahaja praktikal sebelum pendedahan tersebut dibuat.

13. Perlindungan Data Peribadi

- 13.1 Pedagang bersetuju dengan penyediaan dan penggunaan maklumat yang dibekalkan kepada Pengendali MyDebit dan/atau Bank berkaitan dengan Perkhidmatan MyDebit. Pedagang seterusnya bersetuju untuk memaklumkan kepada Pengendali MyDebit dan/atau Bank secara bertulis tentang sebarang kemas kini kepada mana-mana maklumat sedemikian sebaik sahaja ia menyedari bahawa maklumat yang dibekalkan sedemikian berkaitan dengan Perkhidmatan MyDebit telah menjadi lapuk.
- 13.2 Pedagang bersetuju untuk mematuhi Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 yang mana ia terikat dan tidak akan melakukan sebarang tindakan yang akan menyebabkan Bank, Pengeluar dan Pengendali MyDebit melanggar mana-mana undang-undang perlindungan data peribadi.

14. Force Majeure

- 14.1 Bank tidak akan bertanggungjawab kepada Pedagang untuk sebarang kerugian atau ganti rugi (termasuk secara

langsung atau berbangkit), akibat kegagalan untuk mematuhi atau melaksanakan kewajipannya di bawah Terma-terma dan Syarat-syarat Tambahan untuk Perkhidmatan MyDebit ini atas sebab-sebab yang tidak boleh dikawal atau dihalang dengan usaha munasabah oleh Bank, termasuk tetapi tidak terhad kepada, mogok, bencana alam, perbuatan alam semula jadi, kebakaran, banjir, ribut, rusuhan, kekurangan kuasa atau kegagalan kuasa, gangguan kuasa oleh peperangan, sabotaj atau ketidakupayaan untuk mendapatkan tenaga kerja, bahan api atau utiliti yang mencukupi.

15. **Penipuan dan Keselamatan**

- 15.1 Pedagang juga hendaklah mematuhi semua undang-undang Malaysia terpakai berhubung dengan penipuan.
- 15.2 Demi kepentingan menjaga integriti Perkhidmatan MyDebit, Pedagang hendaklah memberikan Pengendali MyDebit dan/atau Bank kuasa untuk mengarahkan Pedagang mengambil sebarang langkah yang dianggap perlu oleh Pengendali MyDebit dan/atau Bank untuk mengesan, mengurangkan, menyelesaikan dan mencegah perbuatan penipuan, sebenar dan disyaki. Pedagang yang menerima arahan sedemikian hendaklah dengan segera mematuhi arahan.

16. **Pengubahan dan Penepian**

- 16.1 Bank boleh mengubah terma-terma Terma-terma dan Syarat-syarat Tambahan untuk Perkhidmatan MyDebit ini pada bila-bila masa untuk memastikan pematuhan dengan Prosedur Operasi Pengendali MyDebit dan perubahan tersebut akan berkuat kuasa dari tarikh yang dinyatakan dalam notis yang dikeluarkan oleh Bank.
- 16.2 Sebarang peruntukan di sini tidak boleh diketepikan melainkan secara bertulis ditandatangani oleh pihak yang memberikan penepian.

17. **Terma-terma dan Syarat-syarat Tambahan untuk Perkhidmatan MyDebit dibaca bersama Terma-terma dan Syarat-syarat Perkhidmatan Pedagang Bank (termasuk Lampiran A)**

- 17.1 Terma-terma dan Syarat-syarat Tambahan untuk Perkhidmatan MyDebit ini hendaklah dibaca bersama dengan Terma-terma dan Syarat-syarat Perkhidmatan Pedagang Bank (termasuk Lampiran A) tetapi terpakai hanya untuk Perkhidmatan MyDebit yang digunakan oleh Pedagang. Sekiranya terdapat percanggahan Terma-terma dan Syarat-syarat Tambahan untuk Perkhidmatan MyDebit ini hendaklah mengatasi Terma-terma dan Syarat-syarat Perkhidmatan Pedagang (termasuk Lampiran A) setakat yang ia berkaitan dengan penggunaan Perkhidmatan MyDebit.

18. **Definisi dan Tafsiran**

- 18.1 Jika tidak ditakrifkan dalam Terma-terma dan Syarat-syarat Perkhidmatan Pedagang, definisi istilah yang kerap digunakan dalam Terma-terma dan Syarat-syarat Tambahan untuk Perkhidmatan MyDebit ini adalah seperti berikut:
- **DMS** ialah Penyelesaian Pedagang Langsung, adalah sistem yang memudahkan proses penyelesaian terus kepada Pedagang.
 - **Pengeluar** adalah institusi kewangan yang diberi kuasa oleh Bank Negara Malaysia untuk mengeluarkan kad MyDebit.
 - **Jenama MyDebit** bermaksud jenama, ikon, logo dan tanda untuk MyDebit.
 - **Pengendali MyDebit** adalah pengendali sistem pembayaran untuk Perkhidmatan MyDebit iaitu Payments Network Malaysia Sdn Bhd.
 - **Perkhidmatan MyDebit** adalah skim pembayaran kad yang membolehkan Pemegang Kad MyDebit membeli barangan / perkhidmatan dan mengeluarkan wang tunai di cawangan Pedagang penyertaan dengan mendebit terus dari akaun simpanan / semasa yang dinamakan oleh Pemegang Kad.
 - **Prosedur Operasi** - Prosedur Operasi untuk MyDebit yang ditetapkan dan dikeluarkan oleh Pengendali MyDebit dan akan merangkumi sebarang variasi, penambahan, pindaan atau pengubahsuaian yang dibuat dari semasa ke semasa.
 - **Peserta** bermaksud mana-mana Peserta seperti yang ditakrifkan dalam Peraturan Penyertaan (*yang menjadi peraturan untuk Perkhidmatan Pembayaran Runcit yang mengawal pengendalian Perkhidmatan Pembayaran Runcit PayNet dan menetapkan hak dan kewajipan PayNet dan Peserta*), bertindak sebagai Pengeluar / Bank / Bank Pihak Ketiga.

Jadual 2 – Terma-terma dan Syarat-syarat Tambahan untuk MPOS

Jika MPOS digunakan untuk menerima Transaksi untuk pembayaran, peruntukan berikut juga akan diguna pakai.

1. PORTAL MPOS

1.1. Pedagang mesti terlebih dahulu memberi kuasa kepada pengguna ("**Pengguna Diberi Kuasa**") untuk mengakses laman web selamat yang ditentukan oleh Bank ("**Portal MPOS**"). Pedagang dan Pengguna Diberi Kuasa masing-masing akan diberikan kod pengenalan unik oleh Bank untuk mengakses Portal MPOS ("**ID Pengguna**") masing-masing, serta kata laluan pengguna dan/atau kod keselamatan lain yang dianggap sesuai oleh Bank berhubung dengan pengaksesan Portal MPOS (secara kolektif "**Kod Keselamatan**"). Pengguna Diberi Kuasa akan menggunakan Portal MPOS untuk menugaskan ID pengguna mudah alih kepada Wakil Jualan. Wakil Jualan mesti memuat turun perisian aplikasi mudah alih yang diperlukan ke peranti serasi mereka (telefon pintar dan/atau tablet yang diluluskan oleh Bank) dari App Store Apple dan Play Store Google. Pedagang hendaklah membayar kepada Bank fi dan caj semasa yang boleh dikenakan untuk penggunaan dan pengaksesan Portal MPOS. Portal MPOS boleh digunakan oleh Pedagang untuk:-

- (a) memantau dan menyemak aktiviti dan transaksi Wakil Jualan dalam masa nyata;
- (b) mengaktifkan atau menggantung akses, nama pengguna dan kata laluan Wakil Jualan;
- (c) mengaktifkan atau menggantung mana-mana ID Pengguna tertentu;
- (d) mengaktif semula nama pengguna dan kata laluan app mudah alih Wakil Jualan sekiranya Wakil Jualan terlupa kata laluan mereka;
- (e) mengakses maklumat lain yang Bank anggap berkaitan;
- (f) membuka kunci ("*unlock*") nama pengguna dan kata laluan app mudah alih Wakil Jualan sekiranya Wakil Jualan dihalang masuk; atau
- (g) mendapatkan kembali Resit elektronik untuk transaksi MPOS.

Penggunaan Portal MPOS juga tertakluk kepada terma-terma dan syarat-syarat yang terkandung dalam Portal MPOS. Perubahan terma-terma penggunaannya boleh dilakukan dengan menerbitkan perubahan pada Portal MPOS. Perubahan akan mengikat Pedagang jika Pedagang menggunakan Portal MPOS selepas perubahan. Jika perubahan tidak dipersetujui, pengaksesan kepada Portal MPOS akan dinafikan.

1.2. Bank boleh menggantung, menamatkan, menarik balik atau menyekat, pengaksesan kepada Portal MPOS untuk kesenangan tanpa perlu memberi sebarang sebab dengan memberikan kepada Pedagang notis terdahulu sekurang-kurangnya empat belas (14) Hari Kalendar. Bank boleh segera menamatkan, menggantung atau menyekat pengaksesan Pedagang kepada Portal MPOS jika:-

- (a) Pedagang memungkirkan mana-mana terma-terma dan syarat-syarat ini;
- (b) pada pendapat munasabah Bank, ia dikehendaki oleh undang-undang atau peraturan atau demi kepentingan awam untuk berbuat demikian; atau
- (c) Bank Negara Malaysia atau mana-mana pihak berkuasa berkenaan lain mengarahkan Bank untuk berbuat demikian.

1.3. Pedagang boleh menamatkan pengaksesannya kepada Portal MPOS untuk kesenangan tanpa memberikan sebarang sebab jua dengan memberikan notis bertulis terdahulu sekurang-kurangnya empat belas (14) Hari Kalendar kepada Bank. Notis penamatan hanya berkuat kuasa selepas penerimaan sebentar notis oleh Bank.

1.4. Penamatan penggunaan dan pengaksesan Portal MPOS tidak menjejaskan liabiliti atau kewajipan Pedagang berkenaan dengan permintaan, pemberikuasaan, arahan atau komunikasi yang dihantar kepada Bank melalui Portal MPOS ("**Arahan**") yang telah diproses oleh Bank selepas tarikh berkuat kuasa penamatan. Apabila Bank menerima Arahan sebelum tarikh berkuat kuasa penamatan dan pengaksesan Pedagang ke Portal MPOS kemudiannya ditamatkan sebelum Arahan tersebut diproses, Bank tidak perlu memproses Arahan tersebut.

1.5. Berkenaan dengan Kod Keselamatan:-

- (a) Bank boleh mengeluarkan sebarang kombinasi huruf dan/atau angka untuk Keselamatan. ID Org dan ID Pengguna sebaik sahaja dikeluarkan tidak boleh ditukar tanpa persetujuan Bank.

- (b) Pedagang mesti menyimpan Kod Keselamatan secara rahsia dan sulit dan memastikan Pengguna Diberi Kuasa mereka melakukan perkara yang sama kerana Pedagang bertanggungjawab sepenuhnya untuk semua Arahan yang dilaksanakan menggunakan Kod Keselamatan mereka walaupun ia mungkin tanpa diberi kuasa.
- (c) Pedagang hendaklah memastikan bahawa Pengguna Diberi Kuasa mereka menukar kata laluan pengguna masing-masing dengan kerap terutamanya, jika mereka mengesyaki bahawa pihak ketiga mengetahui ia. Kata laluan mesti dihafal selepas penerimaan dan selepas itu dokumen yang mengandungi kata laluan pengguna dihapuskan. Pedagang mesti memaklumkan kepada Bank dengan segera jika mereka mengesyaki mana-mana pihak ketiga mengetahuinya, untuk melindungi dan mencegah sebarang penipuan pada akaun Pedagang dan/atau Portal MPOS.
- (d) Bank boleh menyahaktifkan atau membatalkan Kod Keselamatan tanpa notis terdahulu kepada Pedagang. Akses juga boleh dinyahaktifkan selepas beberapa cubaan gagal dilakukan untuk mengakses Portal MPOS menggunakan kod yang tidak sah.
- (e) Pedagang bertanggungjawab atas penyelenggaraan dan kemas kini yang diperlukan untuk peralatannya yang digunakan untuk mengakses Portal MPOS.

2. **MPOS HANYA UNTUK DIGUNAKAN DI MALAYSIA**

- 2.1 Pedagang hanya boleh menerima Transaksi di dalam Malaysia. Penggunaan MPOS di luar Malaysia adalah dilarang sama sekali.

3. **PLUG N PAY**

3.1 **PEMBACA KAD DAN PERALATAN LAIN**

- (a) Pembaca Kad yang dibeli oleh Pedagang mesti digunakan dengan ketat mengikut arahan pengendalian yang dikeluarkan oleh Bank. Kos pembaikan dan alat ganti hendaklah dibayar oleh Pedagang. Pembaca Kad yang dibeli tidak boleh dipulangkan kepada Bank atau ditukar dengan wang dalam apa jua keadaan sekalipun.
- (b) Dalam keadaan kecemasan, Bank boleh, tanpa perlu memberi notis atau sebab, menyahaktifkan Plug n Pay/Pembaca Kad Pedagang dari sistem Bank. Jika tiada notis terdahulu diberikan, Bank akan menggunakan usaha terbaiknya untuk memaklumkan kepada Pedagang sebaik sahaja praktikal selepas penyahaktifan.
- (c) Bank tidak bertanggungjawab ke atas sebarang kerugian atau ganti rugi yang timbul daripada ketidaktepatan mana-mana data atau maklumat yang dihantar kepada dan/atau daripada Plug n Pay/Pembaca Kad Pedagang atau gangguan atau ketidakfungsian Plug n Pay/Pembaca Kad disebabkan oleh sebarang sebab di luar kawalan munasabah Bank termasuk tetapi tidak terhad kepada yang berikut:
 - (i) penggantungan, pengubahan, penambahan dan/atau penarikan balik oleh Bank Negara Malaysia dan/atau pihak berkuasa berkenaan lain lesen yang diperlukan untuk menjalankan mana-mana bahagian perniagaan Bank;
 - (ii) kegagalan atau malfungsi sistem komputer dan aplikasi yang digunakan oleh Bank;
 - (iii) kegagalan sistem elektronik atau elektrik (termasuk kegagalan telekomunikasi mudah alih dan/atau peranti wayarles Pedagang untuk berfungsi sebagai Pembaca Kad dan/atau terminal); dan
 - (iv) malfungsi, kerosakan, gangguan dan/atau kegagalan pembekalan perkhidmatan telekomunikasi, Internet dan/atau WIFI.
- (d) Pedagang bersetuju untuk menanggung semua kos dan caj untuk pembelian, pemasangan dan pengendalian Pembaca Kad termasuk kos peranti mudah alih berkaitan (seperti telefon pintar dan/atau tablet).
- (e) Pedagang mesti segera memaklumkan kepada Bank tentang kecurian, kehilangan, kerosakan cuai, penggunaan tanpa diberi kuasa, penggunaan penipuan, penyalahgunaan atau salah guna Pembaca Kad dan/atau Plug n Pay dan semua kerugian atau liabiliti yang timbul daripada peristiwa ini hendaklah ditanggung dan dibayar oleh Pedagang.

- (f) Jika mana-mana Pembaca Kad malfungsi, Pedagang mesti atas kos dan perbelanjaannya sendiri memaklumkan kepada Bank dan menggantikan Pembaca Kad dalam satu (1) Hari Perniagaan selepas ia menyedari malfungsi.
- (g) Waranti Pembaca Kad
 - (i) Bank mewarankan Pembaca Kad bebas daripada kecacatan bahan dan kemahiran apabila digunakan dalam keadaan biasanya mengikut arahan pengendaliannya untuk tempoh satu (1) tahun dari tarikh penyerahan hak oleh Bank.
 - (ii) waranti terhad Bank hanya melindungi kecacatan yang timbul akibat penggunaan biasa Pembaca Kad dan tidak melindungi sebarang kecacatan lain, termasuk yang timbul akibat daripada:
 - (aa) pengendalian atau pemasangan yang tidak betul;
 - (bb) perisian dan/atau perkakasan yang tidak serasi, peranti telekomunikasi mudah alih dan/atau wayarles tidak disyorkan, disediakan atau disokong oleh Bank; dan
 - (cc) pengubahsuaian tanpa diberi kuasa atau salah guna Pembaca Kad.

3.2 HAK BANK UNTUK MENAMATKAN ATAU MENYAHAKTIFKAN PEMBACA KAD INDIVIDU

Bank boleh menamatkan dan menyahaktifkan satu atau lebih Plug n Pay/Pembaca Kad atau mengehadkan lokasi di mana mana-mana Plug n Pay/Pembaca Kad boleh digunakan dengan menyampaikan kepada Pedagang notis bertulis terdahulu tujuh (7) Hari Kalendar. Penamatan dan penyahaktifan mana-mana Plug n Pay/Pembaca Kad tertentu tidak menjejaskan hak pihak berhubung dengan Plug n Pay/Pembaca Kad lain yang masih beroperasi.

3.3 PEMATUHAN DENGAN PA-DSS

Pedagang mesti mematuhi semua keperluan Piawaian Keselamatan Data Aplikasi Pembayaran (*Payment Application Data Security Standards*) ("PA-DSS") yang diuruskan oleh Majlis Piawaian Keselamatan Industri Kad Pembayaran (*Payment Card Industry Security Standards Council*) apabila menggunakan MPOS.

4. TAP N PAY

4.1 Pedagang hendaklah mematuhi manual dengan ketat apabila menggunakan Tap n Pay.

4.2 Tiada waranti, sama ada nyata, tersirat atau berkanun, termasuk tetapi tidak terhad kepada waranti kesesuaian untuk tujuan tertentu, tiada pelanggaran atau kebebasan daripada virus diberikan untuk penggunaan Tap n Pay. Pedagang menggunakan Tap n Pay atas risikonya sendiri.

4.3 Bank boleh menganggap semua arahan yang diterima oleh Bank daripada Pedagang sebagai diberi kuasa dengan betul dan Bank tidak akan mempunyai kewajipan untuk menyemak ketepatan atau kesahan arahan tersebut. Bank tidak akan diwajibkan untuk membatalkan atau menukar mana-mana arahan selepas yang sama telah dihantar oleh Pedagang kepada Bank. Bank hendaklah menggunakan segala usaha munasabah untuk bertindak ke atas pembatalan atau perubahan tersebut sebelum Bank melaksanakan arahan tersebut, tetapi Bank tidak akan mempunyai liabiliti apa pun jika pembatalan, atau perubahan tersebut tidak dilaksanakan tepat pada masanya atau tidak dapat dilakukan. Sekiranya Bank cuba untuk membatalkan atau mengubah sebarang arahan atas permintaan Pedagang, Pedagang akan bertanggungjawab untuk membayar sebarang dan semua kos dan perbelanjaan yang boleh ditanggung oleh Bank. Untuk mengelakkan keraguan, Bank tidak akan dianggap telah menerima atau mempunyai notis tentang sebarang pembatalan atau perubahan sehingga Bank benar-benar menerima notis pembatalan atau perubahan.

4.4. Bank tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang kerugian atau ganti rugi yang ditanggung atau dialami oleh Pedagang atau mana-mana orang lain dengan sebab atau timbul daripada:-

- (a) ketidakupayaan Pedagang untuk melakukan mana-mana transaksi disebabkan oleh had yang ditetapkan oleh Bank dari semasa ke semasa;
- (b) sebarang kesilapan, pengubahan, pemusnahan arahan, data atau maklumat kepada atau daripada Bank;
- (c) sebarang pencerobohan atau serangan oleh mana-mana orang atau pihak pada mana-mana perkakasan, perisian atau sistem;

- (d) sebarang sekatan atau larangan ke atas pengaksesan oleh mana-mana undang-undang atau peraturan mana-mana negara dari mana Pedagang menggunakan Tap n Pay;
- (e) sebarang keingkaran yang disebabkan oleh penyedia pelayar internet atau oleh penyedia perkhidmatan internet atau ejen atau sub-kontraktor mereka;
- (f) sebarang kerosakan atau malfungsi mana-mana peralatan, sistem atau perisian, sama ada kepunyaan Bank atau sebaliknya, termasuk tetapi tidak terhad kepada mana-mana terminal elektronik, pelayan atau sistem, peranti telekomunikasi (termasuk peranti telekomunikasi mudah alih / wayarles Pedagang sendiri (iaitu telefon pintar dan/atau tablet), pembaca kad, sambungan, elektrik, bekalan kuasa, telekomunikasi atau rangkaian atau sistem komunikasi lain;
- (g) sebarang penggunaan, salah guna, penggunaan atau salah guna yang dikatakan, kehilangan, kecurian atau penggunaan tanpa diberi kuasa sebarang nama pengguna, kata laluan atau nombor pengenalan peribadi satu kali yang membolehkan Pedagang mengaktifkan Tap n Pay dan/atau pembaca kad ("**Kod Pengguna**");
- (h) kerosakan atau kehilangan sebarang data atau arahan atau semasa penghantarannya;
- (i) sebarang penipuan, perbuatan jenayah, kesalahan atau pelanggaran mana-mana undang-undang atau peraturan yang telah atau akan lakukan;
- (j) sebarang kegagalan prestasi, sistem, pelayan atau kegagalan sambungan, ralat, peninggalan, gangguan, pelanggaran keselamatan, virus komputer, kod hasad, kerosakan, kelewatan dalam operasi atau penghantaran, ralat penghantaran atau ketiadaan akses walaupun jika Bank telah dinasihatkan tentang kemungkinannya;
- (k) sebarang gangguan atau ketiadaan atau kegagalan Tap n Pay; atau
- (l) sebarang sebab lain di luar kawalan munasabah Bank.

4.5 Pedagang hendaklah bertanggungjawab sepenuhnya untuk menjaga kerahsiaan semua Kod Pengguna yang telah dikeluarkan kepada Pedagang untuk membolehkan Pedagang menggunakan Tap n Pay dan Pedagang hendaklah mengambil semua langkah berjaga-jaga yang perlu untuk melindungi Kod Pengguna dan untuk mencegah kehilangan, kecurian atau penggunaan tanpa kuasa Kod Pengguna dan tidak mendedahkan perkara yang sama kepada pihak ketiga (kecuali Wakil Jualannya) dan hendaklah memastikan Wakil Jualannya melakukan perkara yang sama. Bank akan berhak mengikut budi bicara tunggal dan mutlak, untuk menyahaktifkan atau membatalkan Kod Pengguna tanpa memberikan sebarang sebab dan/atau tanpa notis terdahulu kepada Pedagang dan juga menyahaktifkan atau membatalkan pengaksesan Pedagang jika pengaksesan telah dinafikan. selepas beberapa cubaan telah dibuat dengan menggunakan Kod Pengguna yang tidak sah.

4.6 Pedagang hendaklah:-

- (a) tidak menyimpan sebarang maklumat tentang transaksi pada peranti mereka (sama ada melalui tangkapan skrin atau sebaliknya);
- (b) memastikan bahawa peranti mereka mempunyai sistem pengendalian terkini yang dipasang seperti yang diperlukan untuk melaksanakan Tap n Pay dan mempunyai versi Tap n Pay terkini;
- (c) tidak menggunakan mana-mana peranti yang mengandungi perisian atau sistem pengendalian haram yang melanggar lesen atau terma-terma penggunaan sistem pengendalian atau perisian tersebut (iaitu telefon pecah sekat); dan
- (d) segera menghubungi Bank untuk menyekat penggunaan jika Pedagang kehilangan peranti dan/atau Pembaca Kadnya dan/atau jika Kod Pengguna telah dikompromi.

4.7 Pedagang mengaku janji untuk menanggung rugi dan memastikan Bank tidak berbahaya daripada dan terhadap sebarang dan semua kerugian (termasuk semua atau sebarang kerugian atau ganti rugi (kewangan atau sebaliknya) langsung atau tidak langsung dalam apa jua sifat, jenis dan takat (termasuk tanpa had, sebarang ganti rugi langsung, tidak langsung, khas, sampingan atau berbangkit, kehilangan keuntungan atau kehilangan peluang) yang dialami atau ditanggung oleh Bank, akibat daripada sebarang kegagalan oleh Pedagang atau Wakil Jualannya untuk mematuhi terma-terma dan syarat-syarat ini dan/atau Bank bertindak menurut sebarang arahan yang diberikan kepadanya oleh Pedagang.

4.8 Pedagang juga mengakui bahawa Bank juga boleh mengumpul dan memproses maklumat mengenai nama, alamat e-mel, nombor telefon mudah alih Pedagang atau Wakil Jualannya, dan lokasi di mana transaksi dilaksanakan melalui penggunaan Tap n Pay menggunakan isyarat daripada Sistem Kedudukan Sejagat (GPS) yang dihantar daripada peranti atau teknologi lain Pedagang atau Wakil Jualannya seperti data penerima yang boleh, sebagai contoh, memberikan maklumat pada menara telekomunikasi berhampiran dan pusat akses Wi-Fi berdekatan. Pedagang juga mengakui bahawa maklumat sedemikian boleh menjadikan Pedagang atau Wakil Jualannya boleh

dikenal pasti secara peribadi dan bersetuju bahawa maklumat tersebut boleh digunakan oleh Bank dalam keadaan biasa perniagaan Bank (yang mungkin termasuk penggunaan untuk menguatkuasakan atau mempertahankan mana-mana hak Bank, untuk mematuhi semua perundangan, undang-undang dan peraturan yang terpakai, untuk meningkatkan kualiti produk dan perkhidmatan Bank, untuk mencegah aktiviti penipuan atau yang menyalahi undang-undang, untuk menyediakan demografi mengenai penggunaan produk dan perkhidmatan Bank oleh pelanggan Bank serta menawarkan produk atau perkhidmatan tambahan, mengikut budi bicara tunggal Bank) atau disediakan kepada vendor pihak ketiga Bank, pengiklan, sekutu atau pihak ketiga berkaitan dalam bentuk agregat atau demografi. Pedagang mengesahkan bahawa Pedagang telah mendapat persetujuan Wakil Jualan atau sebaliknya berhak untuk memberikan maklumat tersebut kepada Bank dan untuk Bank menggunakannya menurut terma-terma dan syarat-syarat ini.

5. TERMA-TERMA DAN SYARAT-SYARAT TAMBAHAN UNTUK MPOS DIBACA DENGAN TERMA-TERMA DAN SYARAT-SYARAT PERKHIDMATAN PEDAGANG (TERMASUK LAMPIRAN A)

- 5.1 Terma-terma dan Syarat-syarat tambahan untuk MPOS hendaklah dibaca bersama dengan Terma-terma dan Syarat-syarat Perkhidmatan Pedagang Bank (termasuk Lampiran A) tetapi hanya digunapakai untuk penggunaan MPOS. Sekiranya terdapat percanggahan, Terma-terma dan Syarat-syarat Tambahan untuk MPOS ini hendaklah mengatasi Terma-terma dan Syarat-syarat Perkhidmatan Pedagang (termasuk Lampiran A) setakat yang ia berkaitan dengan penggunaan MPOS.

● Halaman selebihnya sengaja dibiarkan kosong ●

Jadual 3 (Senarai Produk Terlarang dan Terhad)

(Klausa 2.4(c) - yang boleh dipinda melalui notis kepada Pedagang dari semasa ke semasa)

Alipay

Sila rujuk URL berikut <https://global.alipay.com/docs/ac/Platform/le18gg#FVEQ7> untuk Senarai Produk Terlarang dan Terhad untuk Alipay

Touch 'N Go

No.	Produk Terlarang dan Terhad
1.	Bahan lucah atau mana-mana kandungan lucah dan lain yang dilarang oleh Kod Kandungan Komunikasi dan Multimedia Malaysia
2.	Sebarang perkhidmatan seksual
3.	Muat turun haram
4.	Perjudian atau pertaruhan haram
5.	Ubat preskripsi (melainkan Pedagang dilesenkan dengan sewajarnya)
6.	Sebarang barangan atau perkhidmatan tiruan/palsu/replika atau yang sebaliknya melanggar hak harta intelek orang lain
7.	Barangan atau perkhidmatan lain yang mana tawaran atau penyediannya adalah haram

● Halaman selebihnya sengaja dibiarkan kosong ●

Jadual 4
Program Penukaran Mata Wang Dinamik (Program DCC)

1. Program DCC

1.1 Program DCC dilaksanakan oleh Bank dan dikuasakan oleh Planet Payment (Hong Kong) Ltd., sebuah Syarikat Hong Kong dengan tempat perniagaan utamanya di Suite 801-5, 8/F North Tower, World Finance Centre, Harbour City, Tsim Sha Tsui, Kowloon, Hong Kong SAR (“**Planet Payment**” dan termasuk pengganti dalam hak milik dan pemegang serahkannya). Program DCC membolehkan pelanggan Pedagang (“**Pemegang Kad Asing**”), yang Kadnya didenominasikan dalam mata wang selain daripada Ringgit Malaysia (“**Mata Wang Program**”) untuk menggunakan Kad mereka bagi pembayaran pembelian mereka daripada Pedagang dalam mata wang Pemegang Kad Asing, berdasarkan kadar pertukaran yang ditentukan oleh Bank (“**Transaksi Asing**”) manakala Pedagang masih menerima penyelesaian Transaksi Asing dalam Ringgit Malaysia.

1.2 Transaksi Asing ditukar kepada Mata Wang Program dan dijelaskan melalui Visa International atau MasterCard International (“**Persatuan Kad**”) dalam mata wang negara pengeluaran kad. Program DCC hanya disediakan untuk Kad yang dikeluarkan oleh pengeluar terpilih. Program DCC tidak disediakan untuk transaksi kredit / pulangan (diterangkan selepas ini) atau Transaksi Asing yang dirujuk kepada Bank untuk pemberikuasaan melalui telefon. Bank dan Planet Payment merizabkan hak untuk menambah, mengeluarkan atau menggantung mana-mana Mata Wang Program daripada Program DCC pada bila-bila masa tanpa notis kepada Pedagang. Bank dan Planet Payment boleh menamatkan atau menggantung Program DCC untuk kesenangan dengan memberi notis kepada Pedagang.

2. Keperluan Program DCC

2.1 Terma-terma berikut diguna pakai untuk Program DCC:-

(a) Prosedur Program DCC

Pedagang mesti mematuhi semua prosedur, arahan dan spesifikasi Program DCC yang disediakan oleh Bank dan/atau Planet Payment dari semasa ke semasa.

(b) Pemegang Kad Asing Pilih Masuk

Pedagang mesti memberi Pemegang Kad Asing pilihan sama ada mereka akan menyertai Program DCC. Jika mereka memutuskan untuk tidak menyertai Program DCC, Bank akan memproses transaksi Pemegang Kad Asing tersebut dalam Ringgit Malaysia. Pedagang bersetuju untuk mengubah suai proses dan prosedurnya untuk meningkatkan kemungkinan Pemegang Kad Asing memilih untuk menyertai Program DCC. Jika Pedagang tidak memberi Pemegang Kad Asing pilihan untuk memilih atau menolak daripada menyertai Program DCC, Transaksi Asing mungkin tertakluk kepada caj balik.

(c) Penyelesaian Pembayaran

Semua rekod Transaksi Asing mesti diserahkan kepada Bank untuk penyelesaian dalam dua puluh empat (24) jam dari Transaksi Asing berkaitan, walau bagaimanapun, Pedagang yang terlibat dalam industri hotel, penginapan dan pelayaran, boleh menyerahkan Transaksi Asing mereka untuk penyelesaian dalam dua puluh empat (24) jam selepas pendaftaran keluar Pemegang Kad Asing.

(d) Transaksi Kredit / Pulangan

Bayaran balik atau rebat penuh atau sebahagian Transaksi Asing akan ditukar kepada Mata Wang Program dengan menggunakan kadar pertukaran Persatuan Kad yang terpakai pada tarikh Pedagang melakukan bayaran balik / rebat dan setelah ditukar, akan dibayar balik kepada Pemegang Kad Asing dalam Mata Wang Program berkaitan melalui Persatuan Kad berkaitan.

Jika teknologi tempat jualan Pedagang tidak mampu memproses pulangan kredit dalam Mata Wang Program mengikut cara yang dikehendaki oleh Bank dan Planet Payment, bayaran balik dan rebat akan diproses dalam Ringgit Malaysia tertakluk kepada peraturan Persatuan Kad terpakai.

(e) Caj Balik

Caj balik Transaksi Asing akan dilakukan oleh Persatuan Kad berkaitan dalam Mata Wang dan ditukar kepada Ringgit Malaysia pada kadar pertukaran Persatuan Kad. Pedagang mengakui bahawa jumlah caj balik mungkin lebih tinggi atau lebih rendah daripada jumlah penyelesaian asal yang diterima oleh Pedagang untuk Transaksi Asing. Walau bagaimanapun, Pedagang hendaklah menanggung risiko pertukaran mata wang dan bertanggungjawab ke atas jumlah penuh caj balik di bawah terma-terma Jadual ini.

3. Diskaun Pedagang

3.1 Pedagang sebagai tambahan bersetuju untuk membayar Diskaun Pedagang untuk Program DCC yang dikira secara harian berdasarkan jumlah setiap Transaksi Asing yang diselesaikan bagi pihak Pedagang di bawah Program DCC, dan dikira dalam Ringgit Malaysia sebelum sebarang penukaran jumlah Transaksi Asing.

4. Terma-terma dan Syarat-syarat untuk Program DCC dibaca dengan Terma-terma dan Syarat-syarat Perkhidmatan Pedagang (termasuk Lampiran A)

4.1 Terma-terma dan syarat-syarat untuk Program DCC ini hendaklah dibaca bersama dengan Terma-terma dan Syarat-syarat Perkhidmatan Pedagang Bank (termasuk Lampiran A) tetapi terpakai hanya untuk penyertaan Pedagang dalam Program DCC. Sekiranya terdapat percanggahan, terma-terma dan syarat-syarat untuk Program DCC ini akan mengatasi Terma-terma dan Syarat-syarat Perkhidmatan Pedagang (termasuk Lampiran A) setakat yang ia berkaitan dengan penyertaan Pedagang dalam Program DCC.

● Halaman selebihnya sengaja dibiarkan kosong ●

Jadual 5
Program Bayar Dengan Mata (PWP)

1. Pedagang hendaklah membenarkan Pemegang Kad menebus mata bonus mereka yang terkumpul pada Kad mereka yang dikeluarkan oleh CIMB Bank Berhad atau CIMB Islamic Bank Berhad di Malaysia sahaja (“**Mata Bonus CIMB**”) terhadap pembayaran untuk barangan dan/atau perkhidmatan Pedagang, sama ada sebahagian atau sepenuhnya, di kedai penyertaan Pedagang pada kadar penukaran semasa yang terdapat di laman web Bank di www.cimb.com.my.
2. Bank boleh menamatkan penyertaan Pedagang dalam PWP untuk kesenangan tanpa sebab dengan memberikan notis bertulis terdahulu tiga puluh (30) Hari Kalendar kepada Pedagang sebelum tarikh penamatan yang dimaksudkan.
3. Pedagang boleh menamatkan penyertaannya dalam PWP untuk kesenangan tanpa sebab dengan memberikan notis bertulis terdahulu sembilan puluh (90) Hari Kalendar kepada Bank sebelum tarikh penamatan yang dimaksudkan.
4. Sekiranya berlaku penamatan Saluran Pembayaran berkaitan antara Pedagang dan Bank, penyertaan Pedagang dalam PWP ditamatkan secara automatik.
5. Terma-terma dan syarat-syarat untuk PWP ini hendaklah dibaca bersama dengan Terma-terma dan Syarat-syarat Perkhidmatan Pedagang Bank (termasuk Lampiran A) tetapi digunapakai hanya untuk penyertaan Pedagang dalam PWP. Sekiranya terdapat percanggahan, terma-terma dan syarat-syarat untuk PWP ini akan mengatasi Terma-terma dan Syarat-syarat Perkhidmatan Pedagang (termasuk Lampiran A) setakat yang ia berkaitan dengan penyertaan Pedagang dalam PWP.

● Halaman selebihnya sengaja dibiarkan kosong ●

Jadual 6
Perkhidmatan Nilai Tambah iTerminal
(dengan ciri-ciri baharu TRM (pengurusan rekonsiliasi transaksi),
diskaun segera & promozone
(iTVAS1)

1. iTVAS1 mempunyai ciri-ciri berikut:

(i) TRM (Pengurusan Rekonsiliasi Transaksi)

Papan pemuka dalam talian yang akan memberikan Pedagang kemas kini hampir masa nyata atas aktiviti jualan di kedai pedagang dengan laporan.

(ii) Diskaun Segera

Peluang untuk melakukan promosi dengan pelbagai pangkalan pemegang kad dengan peraturan diskaun segera yang boleh dikonfigurasi ke dalam terminal. Terminal akan mengiktiraf peraturan dan menggunakan pakai diskaun.

(iii) Promozone

Mesej promosi dan logo jenama tersasar boleh disesuaikan pada slip caj.

2. Pedagang hendaklah membayar fi tahunan berikut kepada Bank untuk pakej tahunan iTVAS1 (*berkuat kuasa dari tarikh pendaftaran*):

Pakej Tahunan iTVAS1	Fi Tahunan Perlu Bayar oleh Pedagang
• Pengaksesan 1 tahun kepada TRM; • Diskaun Segera 1x (<i>iaitu 1 peluang bagi Pedagang untuk memasukkan peraturan diskaun segera yang boleh dikonfigurasi ke dalam terminal</i>); • Promozone 3x (<i>iaitu 3 peluang bagi Pedagang untuk menyesuaikan mesej promosi dan logo jenama pada slip cajnya</i>); dan • RM500 perlu dibayar oleh Pedagang untuk setiap perkhidmatan nilai tambah tambahan yang ditawarkan oleh Bank dan dilanggan oleh Pedagang.	RM5,888.00 (<i>eksklusif cukai</i>)

Pakej Tahunan iTVAS1 hendaklah diperbaharui secara automatik secara tahunan mengikut terma-terma dan syarat-syarat yang sama yang dinyatakan di sini melainkan Pedagang memberi notis bertulis kepada Bank tentang niatnya untuk tidak memperbaharui Pakej Tahunan iTVAS1 sekurang-kurangnya tiga (3) bulan sebelum penamatan Pakej Tahunan iTVAS1.

3. Walau apa pun peruntukan lain yang dinyatakan dalam terma-terma dan syarat-syarat ini, Pedagang mengakui dan bersetuju bahawa semua fi hendaklah dibayar setiap tahun terdahulu oleh Pedagang kepada Bank dan semua atau mana-mana bahagian fi pendahuluan tidak akan dibayar balik kepada Pedagang jika Pedagang menamatkan Pakej Tahunan iTVAS1 secara pra-matang.

4. Jika mana-mana peristiwa berikut berlaku:

- a) kesilapan, percanggahan atau ketidaktepatan dalam apa jua bentuk sekalipun berkaitan dengan kemas kini aktiviti jualan;
- b) terminal tidak dapat dikonfigurasikan dan/atau mengalami masa mati;
- c) ralat dalam penyesuaian pada slip caj; dan/atau
- d) kegagalan sistem yang ditubuhkan dan/atau dikendalikan oleh Bank dan/atau ejen atau penyedia perkhidmatannya untuk membaca atau mengesan atau menganalisis perubahan dalam tetapan pada terminal,

Pedagang mesti memaklumkan kepada Bank dengan segera, tidak lewat daripada lima (5) Hari Perniagaan dari berlakunya peristiwa tersebut. Pedagang dihalang daripada membuat sebarang tuntutan terhadap Bank jika Pedagang gagal melaporkan kesilapan dalam tempoh yang ditetapkan tersebut. Liabiliti Bank berkenaan dengan kerugian yang ditanggung oleh Pedagang akan terhad kepada kerugian yang timbul daripada atau berkaitan dengan kesilapan dalam tempoh lima (5) Hari Perniagaan sebelum tarikh pelaporan kesilapan tersebut dan sehingga tempoh apabila kesilapan tersebut diperbetulkan. Kerugian akan dihadkan kepada kerugian langsung seperti yang dibuktikan oleh pembayaran sebenar kepada pihak ketiga bersama dengan dokumen sokongan berkaitan dan tidak akan melindungi sebarang kerugian tidak langsung, berbangkit, punitive, kerugian perniagaan, kehilangan keuntungan, kehilangan data atau sebarang liabiliti pada akaun bereputasi atau sebarang liabiliti yang serupa sifatnya. Kerugian ini akan meliputi situasi di mana kesilapan tunggal adalah disebabkan oleh Bank dan/atau ejen atau penyedia perkhidmatannya. Bank tidak akan bertanggungjawab untuk kesilapan sepenuhnya atau sebahagiannya yang disebabkan oleh dan/atau berpunca daripada Pedagang atau mana-mana pihak lain.

5. Terma-terma dan syarat-syarat untuk iTVAS1 ini hendaklah dibaca bersama dengan Terma-terma dan Syarat-syarat Perkhidmatan Pedagang Bank (termasuk Lampiran A) tetapi terpakai hanya untuk penyertaan Pedagang dalam iTVAS1. Sekiranya terdapat percanggahan, terma-terma dan syarat-syarat untuk iTVAS1 ini akan mengatasi Terma-terma dan Syarat-syarat Perkhidmatan Pedagang (termasuk Lampiran A) setakat yang ia berkaitan dengan penyertaan Pedagang dalam iTVAS1.

• Halaman selebihnya sengaja dibiarkan kosong •

Schedule 7
Perkhidmatan Nilai Tambah iTerminal
(penyediaan pelan bayaran mudah (epp) tiga puluh pihak pengeluar melalui Terminal Bank)
(iTVAS2)

1. iTVAS2 akan dijalankan melalui dua (2) cara:-

(a) **EPP oleh Pengeluar**

Institusi kewangan pihak ketiga (“**Pengeluar**”) akan menggunakan perkhidmatan Bank untuk membolehkan pemegang kadnya (*iaitu pemegang kad debit, kredit, caj atau mana-mana kad pembayaran lain yang dikeluarkan oleh Pengeluar tersebut*) menikmati promosi yang didirikan dan dimiliki oleh Pengeluar (“**Promosi Pengeluar**”) dengan menggunakan Terminal Bank (*iaitu iTerminal yang akan membolehkan Perkhidmatan Nilai Tambah*) yang terletak di tempat Pedagang di mana Pengeluar tidak mempunyai Terminalnya sendiri. Terminal Bank yang terletak / akan ditempatkan di tempat Pedagang mempunyai keupayaan untuk membolehkan Pengeluar melaksanakan Promosi Pengeluarnya dari semasa ke semasa melalui Terminal; atau

(b) **EPP oleh Jenama**

Vendor pihak ketiga (“**Jenama**”) akan menggunakan perkhidmatan Bank yang membolehkan bakal pelanggan yang menggunakan kad debit, kredit, caj atau mana-mana kad pembayaran lain untuk membeli produk Jenama untuk menikmati promosi yang didirikan dan dimiliki oleh Jenama (“**Promosi Jenama**”). Promosi Jenama boleh dilaksanakan dengan menggunakan Terminal Bank yang terletak / akan ditempatkan di tempat Pedagang di mana produk Jenama dijual. Terminal Bank mempunyai keupayaan untuk melaksanakan Promosi Jenama dari semasa ke semasa melalui Terminal.

2. iTVAS2 hanya akan disediakan kepada Terminal di tempat Pedagang selepas kelulusan Bank terhadap permintaan yang dibuat oleh Pengeluar dan/atau Jenama untuk menyediakan perkhidmatan tersebut, tertakluk kepada terma-terma dan syarat-syarat yang dinyatakan dalam perjanjian Bank dengan Pengeluar dan/atau Jenama. Bank akan memaklumkan kepada Pedagang sebaik sahaja Terminal disediakan untuk iTVAS2.

3. Bank akan memastikan Pedagang dikemas kini dan dimaklumkan akan nama dan butiran lain Pengeluar dan/atau Jenama melalui notis dan/atau surat pemberitahuan Bank dari semasa ke semasa.

4. Sekiranya Pengeluar dan/atau Jenama menamatkan perjanjian mereka dengan Bank atau penglibatan perkhidmatan mereka yang dinyatakan di sini atau Bank diminta oleh Pengeluar dan/atau Jenama untuk melumpuhkan iTVAS2, Bank hendaklah berhak untuk menamatkan dengan segera penyediaan iTVAS2 berkenaan dengan Terminal tersebut dan memprogram semula / menarik balik Terminal (jika dan apabila Bank menganggap perlu).

5. **Kadar Diskaun Pedagang (MDR)**

TEMPOH <i>(Terminal dengan iTVAS2)</i>	OFF-US EPP MDR
6 bulan	3%
12 bulan	4%
18 bulan	5%
24 bulan	6%

MDR di atas yang perlu dibayar oleh Pedagang kepada Bank adalah sah dari tarikh pendaftaran iTVAS2 oleh Pedagang dan Bank merizabkan hak untuk menyemak dan mengubah MDR dari semasa ke semasa dan sebarang perubahan padanya akan berkuat kuasa pada tarikh yang ditentukan oleh Bank dalam pemberitahuan kepada Pedagang tersebut.

6. Terma-terma dan syarat-syarat untuk iTVAS2 ini hendaklah dibaca bersama dengan Terma-terma dan Syarat-syarat Perkhidmatan Pedagang Bank (termasuk Lampiran A) tetapi terpakai hanya untuk penyertaan Pedagang dalam iTVAS2. Sekiranya terdapat percanggahan, terma-terma dan syarat-syarat untuk iTVAS2 ini akan mengatasi Terma-terma dan Syarat-syarat Perkhidmatan Pedagang (termasuk Lampiran A) setakat yang ia berkaitan dengan penyertaan Pedagang dalam iTVAS2.

● Halaman selebihnya sengaja dibiarkan kosong ●